

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"NEGARA sangat memerlukan disiplin-disiplin yang bermanfaat untuk pembangunan modal insan. Adalah tidak memadai, kita belajar hanya untuk ilmu, tetapi ilmu mesti dipelajari untuk jadi pelengkap".  
- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Usgama Seri Begawan Ke-7 pada 5 Safar 1439H / 25 Oktober 2017M.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK  
5.01

SUBUH  
5.11

SYURUK  
6.28

DUHA  
6.50

ZUHUR  
12.31

ASAR  
3.43

MAGHRIB  
6.32

ISYAK  
7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 31

11 MAC 2020 / 1441 رجب 16

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

**f** Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

**o** infodept.bn **s** infodept\_bn

## Berita Utama



BUKU 'Raja Melakar Sejarah' terima Anugerah Khas Buku Terlaris 2019 **Muka 22**



MENTERI KBS terima kunjungan hormat **Muka 13**



KEMUDAHAN Pusat Media di sepanjang Musim Permesyuaratan MMN Ke-16 **Muka 18**



MENDEKATI masyarakat dalam Program Sua Muka **Muka 20**

## MMN wadah strategik untuk rakyat dan negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

- Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman (Lihat muka 3, 4 dan 5).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah agar



Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,  
Masri Osman, Hamzah Mohidin,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman  
Mohd. Sahrizal Haji Said

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menjadi wadah strategik bagi memikir dan membahas perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat serta negara.

Ke muka 3

## Lima kontek terdekat disahkan positif COVID-19

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Seorang lelaki, warganegara tempatan, berumur 53 tahun merupakan seorang pesara telah pergi ke Kuala Lumpur, Malaysia bersama tiga orang rakannya, yang juga warga tempatan pada 27 Februari 2020.

Pesakit dilaporkan telah menghadiri satu perkumpulan keugamaan (tabligh) di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh lebih 100 orang yang berasal dari pelbagai negeri, termasuk Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Isham bin Haji Jaafar memaklumkan perkara tersebut pada

Sidang Media yang diadakan di Dewan Al-Afiah Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, pesakit bersama rakan-rakannya pulang ke tanah air pada 3 Mac 2020 melalui Miri, Sarawak dengan menaiki pesawat Air Asia AK5651. Yang Berhormat turut menjelaskan, pesakit telah membuat perjalanan ulang alik ke Miri pada 6 Mac 2020 dan singgah mendirikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Kampung Sungai Teraban.

Pada malam tersebut, jelas Yang Berhormat pesakit telah mula menunjukkan tanda-tanda jangkitan dan pergi ke Jabatan Kecemasan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada 8 Mac 2020 untuk mendapatkan rawatan dan sampel nasopharyngeal swab bagi ujian COVID-19.

Ke muka 6

## Cuti penggal pertama persekolahan diawalkan

Siaran Akhbar :  
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Berikutkan perkembangan terkini mengenai COVID-19 seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan kemungkinan jangkitan adalah terkawal dengan mengubah tarikh bermula cuti penggal pertama persekolahan dari 16 Mac 2020 diawalkan ke Rabu, 11 Mac 2020.

Ke muka 13

# Kepentingan pembangunan Bandar Pintar

Bismillahir Rahamanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**S**ELAMAT pagi kepada tetamu khas, penceramah, guru-guru, ibu bapa dan perwakilan yang hadir di sini bagi Majlis Perasmian Persidangan Isu-isu Global Brunei (BGIC) Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-16.

Saya gembira kerana ISB BGIC terus menjadi platform penting bagi golongan belia untuk mengumpulkan dan menangani isu-isu global yang mendesak, sejak pertama kali ia diadakan 16 tahun yang lalu.

Pada tahun ini, kita mengalaukan dekad baharu, di mana menavigasi perjalanan kita melalui era baharu yang ketidakpastian. Justeru, adalah penting khususnya pada ketika ini, momentum yang ditetapkan tetap relevan dan strategik.

Selaras dengan objektif persidangan ini, saya mengalau-alukan tema pada tahun ini, 'Seruan Belia bagi Bandar-bandar dan Komuniti Yang Berdaya Tahan' (Youths Call for More Sustainable Cities and Communities), yang bertepatan dengan komitmen antarabangsa dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Seperti negara-negara anggota PBB lain, Negara Brunei Darussalam juga komited untuk mencapai matlamat bersama melalui strategi dan inisiatif di bawah Visi Negara, Wawasan Brunei 2035.

Kepantasan perkembangan urbanisasi di seluruh dunia tidak menunjukkan tanda-tanda perlakan. Bandar raya mega kelihatan akan kekal utuh dalam perkembangan infrastruktur masa depan dan telah mengubah persepsi serta harapan kita tentang bagaimana kita harus menjalani kehidupan pada hari ini.

Menurut Program Pembangunan PBB, lebih daripada separuh penduduk dunia kini tinggal di kota mega dan diyakini pada tahun 2050, angka itu akan meningkat sebanyak 6.5 bilion, merupakan dua pertiga penduduk global.

Dengan momentum urbanisasi yang semakin pesat dan dengan bandar-bandar yang kurang bersedia, kita melihat kesan buruk daripada kesesakan, ketidaksetaraan ekonomi semakin meningkat, penggunaan tenaga yang tinggi dan pencemaran.

Ketidakupayaan untuk menguruskan kemasukan orang ramai secara berkesan



**SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pada Majlis Perasmian Persidangan Isu-isu Global Brunei (BGIC) Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-16 pada Sabtu, 12 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 7 Mac 2020 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

akan membawa kepada kemusnahaan dan sering kali mendatangkan kesan yang tidak dapat dipulihkan, khususnya kepada masyarakat kita dan generasi akan datang.

Untuk mengekang perkara ini, banyak negara sedang mempertimbangkan inisiatif Bandar Pintar sebagai strategi berdaya maju. Konsep ini meneroka bagaimana teknologi, seperti Internet of Things dan data besar dapat digunakan untuk menguruskan aset awam dengan berkesan, bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat tetapi untuk meningkatkan akses, mengurangkan kesesakan lalu lintas, mengawal pencemaran dan meningkatkan kecekapan tenaga.

Lebih penting lagi, ia akan dapat membantu mengurangkan kesan negatif penggunaan manusia terhadap alam sekitar.

Pimpinan ASEAN sudah mengetahui akan kepentingan pembangunan bandar pintar dan melestarikan Rangkaian Bandar Pintar ASEAN pada April 2018.

Sehubungan itu, negara-negara Anggota ASEAN dapat bekerjasama dalam meningkatkan kehidupan bandar dengan kemajuan teknologi.

Selaras dengan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyediakan 'Pelan Tindakan Bandar Pintar' yang memberi tumpuan kepada usaha memulihkan infrastruktur sedia ada di Bandar Seri Begawan membersihkan sungai-sungai, meningkatkan akses kepada perkhidmatan masyarakat, termasuk kemudahan kesihatan dan rekreasi juga dalam masa yang sama menggalakkan aktiviti keusahawanan dan mempromosikan industri pelancongan tempatan.

Ini berpotensi membawa kesan positif. Saya suka cipta melihat ISB BGIC Ke-16 memilih tema yang dianggap sebagai ancaman yang kita hadapi pada hari ini juga kebimbangan yang boleh menjelaskan masa depan kita. Dorongan ini akan menjadikan dunia menjadi lebih baik untuk generasi akan datang.

Sehubungan itu, saya menggesa golongan muda untuk menggunakan platform ini, untuk terus belajar dan melibatkan diri, membina rangkaian yang berharga juga menggunakan pengetahuan baharu untuk menghasilkan penyelesaian berkesan.

Sebagai pemimpin masa hadapan, platform ini seharusnya tidak hanya dilihat sebagai tempat untuk membicarakan isu-isu yang kita hadapi hari ini, tetapi tempat untuk bertolak ansur dengan pelbagai pandangan untuk berunding dan berfikir secara lebih kritis.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Rakan Persidangan - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan penaja-penaja Progresif Sdn. Bhd. (PSB), Baiduri Bank dan Brunei Shell Petroleum.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua guru, penceramah undangan dan jemputan yang hadir atas sumbangan aktif juga sokongan dan memainkan peranan penting untuk kejayaan ISB BGIC sehingga hari ini.

Saya berharap agar persidangan tahun ini disambut baik dan akan mencapai kejayaan juga mengharapkan yang terbaik dalam perbincangan dan kerja masing-masing.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahamanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan pembukaan Majlis Perasmian ISB BGIC Ke-16.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Dari Sidang Pengarang.

11 MAC 2020 BERSAMAAN 1441 حج 16

### TITIK BERATKAN KEBERSIHAN DALAM SEMUA ASPEK

**M**ENURUT perangkaan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) sehingga 9 Mac 2020, secara global, sebanyak 109,577 kes COVID-19 dicatatkan dengan 3,809 kematian.

Data ini sememangnya membimbangkan dan baru-baru ini Negara Brunei Darussalam mencatatkan pengesanan kes pertama yang mana ujian awal didapati positif dijangkiti COVID-19.

Dalam hal ini, jangan berasa cemas dan panik serta terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti Mengelakkan tahap kebersihan diri yang tinggi; Kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas atau selepas batuk atau bersin); Memakai penutup muka (*mask*) jika awda mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk atau selesesa; Menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera; Bersikap bertanggungjawab jika menghadapi tanda-tanda jangkitan pernafasan untuk mendapatkan rawatan dan berehat di rumah serta mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat awam dan menghadiri acara-acara keramaian.

Dengan perkembangan semasa ini, kita selaku rakyat dan penduduk perlu bersikap bertanggungjawab. Seeloknya ditangguhkan perjalanan ke luar negara lebih-lebih lagi ke negara-negara yang terjejas. Ini adalah bagi mengetarkan lagi kawalan kemasukan penyakit berkenaan ke negara ini yang mana telah diketahui dapat menjangkiti dari manusia ke manusia.

Apabila penting juga ialah menjaga kebersihan diri. Dari perspektif agama Islam, soal kebersihan dan kesihatan sangat dipentingkan. Kerana itu, agama sangat menitikberatkan tentang penjagaan kebersihan dan mewujudkan suasana yang selesa di dalam semua keadaan sama ada ketika beribadah ataupun tidak. Islam amat menyukai orang yang cintakan kebersihan serta sentiasa menjaganya kerana kebersihan adalah asas kepada kesihatan. Perlu diketahui bahawa menjaga kebersihan ini termasuk di dalam ciri-ciri orang yang beriman, sebagaimana dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya :** "Dari Abu Malik al-As'hari berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Kebersihan itu sebahagian daripada iman." Riwayat Imam Muslim.

Para Ulama Fiqah telah memberikan perhatian tentang kebersihan apabila memulakan perbincangan dalam kitab-kitab Fiqah dengan Bab Taharah, iaitu kebersihan terlebih dahulu. Ini membuktikan bahawa kebersihan itu sangat dititikberatkan dalam semua hal khususnya dalam ibadat.

Di samping itu, dengan keadaan semasa ini, jangan juga mudah percaya dengan berita-berita yang kurang pasti kesahihannya dan jangan menyebarkan maklumat yang belum tentu betul dan tidak sahih. Hormati privasi pesakit dan keluarga yang terlibat.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi talian-talian berikut : Talian Nasihat Kesihatan - 2381380 atau 2381383 (pada waktu pejabat sahaja) atau; Talian Darussalam 123 (di luar waktu pejabat).

- Ketua Penyuntingan (Ss).

### RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU KHAMIS JUMAAT

BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	25 °C

PEKAN BANGAR		
32 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C

PEKAN TUTONG		
32 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	24 °C

KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi MAC	HARI REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	RABU	16	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32
12	KHAMIS	17	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32
13	JUMAAT	18	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32
14	SABTU	19	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32
15	AHAD	20	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.40	6.32
16	ISNIN	21	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.40	6.32
17	SELASA	22	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
NDMC 123 2380214

# MMN wadah strategik untuk rakyat dan negara



Dari muka 1

Dalam hal ini, Kebawah DYMM bertitah menekankan agar Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) supaya menyuarakan pandangan-pandangan mereka tanpa ragu-ragu dalam permesyuaratan kali ini kerana suara mereka adalah diperlukan untuk kebaikan.

Kebawah DYMM menegaskan perkara demikian ketika bertitah membuka rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

"Harapan kita sangatlah tinggi untuk melihat MMN menjadi wadah strategik bagi memikir dan membahas perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat dan negara. Apa juar usul dan hujah yang dikemukakan dalam persidangan hendaklah berasaskan kepada pemikiran dan penelitian yang rapi disokong oleh fakta-fakta yang betul dan tepat dan memfokuskan hanya kepada isu-isu yang relevan,"

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said

titah baginda.

Dengan yang demikian, MMN tahun demi tahun masih memerlukan pemeriksaan, kerana masih terdapat sesetengah Ahli Yang Dilantik cuma lebih banyak bertanya daripada memberi buah fikiran yang boleh menjadikan perbahasan kurang menarik, jelas baginda.

Dalam titah tersebut, baginda juga turut menyatakan tentang situasi ekonomi dunia pada hari ini yang didapati tidak menentu.

Walau bagaimanapun, menurut baginda, negara kita masih saja mampu untuk mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan, di samping dapat menikmati beberapa pembaharuan di segi infrastruktur mahupun yang berbentuk dasar.

Lebih-lebih lagi dengan ketidaktentuan itu digawatkan lagi oleh pergolakan geopolitik dunia yang tidak berkesudahan kemudian secara mendadak, pasaran kewangan dunia pula, terutama di rantau Asia

mengalami masalah teruk akibat penularan wabak COVID-19, titah baginda.

"Kesan daripada wabak ini telah menjelaskan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara di dunia, termasuk menjadi sebab kurangnya permintaan minyak dan gas dunia yang secara automatik menjadikan harga kedua-dua komoditi ini jatuh".

Perkara ini titah baginda, boleh menyebabkan negara mengalami defisit setelah mencatat lebihan baki fiskal pada Tahun Kewangan 2018 / 2019. Namun kita tetap bersyukur kerana negara ditakdirkan bebas daripada wabak yang menggerunkan ini dan Negara Brunei Darussalam mudah-mudahan akan terus mendapat perlindungan Allah daripada serangan virus COVID-19.

Pada hemat baginda, semua yang terjadi adalah kerana berkat Brunei sentiasa menghayati doa, sama ada di masjid-masjid,

di rumah-rumah di majlis-majlis dan pendeknya Brunei Darussalam sentiasa dan cukup makmur dengan doa.

Bagi mengekalkan nikmat daripada Allah itu, baginda berharap supaya kita meneruskan amalan berdoa sebagai budaya bangsa.

Baginda juga melahirkan rasa syukur kerana sepanjang tahun 2019, kerajaan baginda masih dapat meraih beberapa pencapaian yang signifikan, antaranya transformasi Sektor Telekomunikasi yang mampu bertindak meningkatkan inovasi untuk mengubah landskap ekonomi negara ke arah era digital "The Fourth Industrial Revolution" melalui penubuhan Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad, Syarikat UNN yang 100 peratus dipunyai oleh Kerajaan baginda.

Manakala yang berkaitan dengan sumber tenaga manusia pula, baginda telah memperkenankan bagi Manpower Planning and Employment Council (MPEC) di Jabatan Perdana Menteri bagi memikirkan langkah-langkah berkesan ke arah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

meningkatkan pekerjaan dan menangani isu pengangguran.

Bagi tujuan tersebut, baginda menyarankan agar dasar-dasar yang ada mustahak diteliti, khususnya yang berkaitan dengan kemasukan pekerja-pekerja asing; halangan atau proses yang boleh menyekat komuniti bisnes

dari berkembang; mengadakan latihan-latihan bagi membantu pencari-pencari pekerjaan, mengkaji semula syllabus yang berkaitan dengan program latihan, mengkaji semula proses mempercepatkan pengisian jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam dan lain-lain.

Dalam pada itu, Kebawah DYMM juga telah memperkenankan penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong bagi tujuan menjana aktiviti perekonomian juga meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di daerah ini.

Mengenai dengan perbelanjaan kerajaan, baginda menasihatkan agar setiap agensi kerajaan dikehendaki berhati-hati dalam menggunakan peruntukan yang telah disediakan.

"Perlu diingat hasil pendapatan yang banyak tidaklah semestinya mampu untuk menjamin kestabilan dan kekuahan kewangan andainya hasil itu tidak diurus dengan betul dan cekap. Tetapi dengan adanya amalan berhemah dan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi, maka insyaAllah kita akan dapat mengukuhkan kestabilan makroekonomi dan kedudukan kewangan negara," titah baginda.

Daripada titah baginda itu, sangat penting untuk diingat mengenai cara penggunaan wang kerajaan, iaitu mestilah benar-benar telus dan amanah. Dan jangan sehingga berlaku sandiwara 'pintu belakang' dengan pihak-pihak tertentu di luar kerajaan.

SUASANA Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN tersebut.



# MMN Ke-16 dirasmikan penuh istiadat



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima barisan kehormatan, terdiri daripada 108 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di pekarangan Bangunan Dewan Majlis (atas), sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima tabik hormat.

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Mac. - Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mula menumpukan perhatian pada isu-isu dan persoalan kepada pelaksanaan strategi bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah

mempelbagaikan ekonomi negara di dalam kepentingan pembangunan generasi belia juga kebijakan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dalam Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), bermula pada 10 hingga

23 Mac ini.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN berlangsung dan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima tabik hormat diraja, diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), seterusnya berkenan menerima barisan kehormatan yang terdiri daripada 108 anggota PPDB, diketuai oleh Pegawai Pemerintah Perbarisan, Penguasa Polis, Haji Mahran bin Haji Ahmad.

**BAGINDA** dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para pembesar negara (kiri).



Berangkat sama ke Istiadat Pembukaan Rasmi ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.



Kebawah DYMM bersama ahli kerabat diraja yang lain, seterusnya dijunjung berangkat ke Dewan Persidangan MMN. Baginda kemudiannya berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN tersebut.

Bagi memberkati istiadat berkenaan, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat meninggalkan Bangunan Dewan Majlis, Kebawah DYMM juga kerabat diraja yang lain berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli MMN.

Seterusnya, Persidangan MMN bersidang untuk meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan MMN Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 yang bersidang selama 11 hari, mulai 7 hingga 23 Mac 2019 lalu.



**PADUKA-PADUKA** anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan menerima tabik hormat daripada barisan kehormatan yang terdiri daripada 108 anggota PPDB sejurus tiba di pekarangan Bangunan Dewan Majlis.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).**

#### Dari muka 4

MMN Musim Ke-16 ini dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya

Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; dan Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Ahli-ahli MMN terdiri daripada Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan (Perdana Menteri dan Menteri-menteri), Ahli-ahli Yang Dilantik Orang-orang Bergelar, Ahli-ahli Yang Dilantik Orang Yang Telah Mencapai

Kecemerlangan dan Ahli-ahli Yang Dilantik Mewakili Daerah.

Persidangan MMN memasuki usia 16 tahun persidangan sejak penubuhannya semula pada tahun 2004 dan akan membincangkan juga meluluskan perkara utama, iaitu Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020 / 2021; untuk diguna pakai bermula pada 1 April 2020. Selain Belanjawan Tahunan, Persidangan MMN

juga akan membincangkan isu-isu dan cadangan-cadangan bermanfaat kepada negara juga rakyat yang diteliti dan dinilai kesesuaiannya secara terperinci mengikut keperluan juga keutamaannya.

MMN ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24. MMN dibubarkan pada tahun 1984 dan pada 25 September 2004, Majlis ini mula bersidang semula. Penubuhan persidangan ini ialah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-58 Tahun pada 15 Julai 2004.

Persidangan MMN ini disambung untuk bersidang pada Selasa, 10 Mac 2020, bermula pada jam 9.00 pagi.



**KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat meninggalkan Dewan MMN sejurus selesai Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN, di Bangunan Dewan Majlis (kiri), sementara gambar kanan, berangkat sama pada Istiadat tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria.**



**PEMBAWA cokmar berarak masuk ke Dewan MMN memulakan Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN (atas), sementara gambar kiri, antara ratusan jemputan yang hadir pada istiadat berkenaan.**

# Lima kontek terdekat disahkan positif COVID-19

Dari muka 1

"Pesakit juga diketahui menghidap beberapa penyakit kronik, seperti diabetes dan kardiovaskular, pesakit telah dibawa ke Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong pada 9 Mac 2020, iaitu sebaik saja keputusan ujian awal makmal beliau diketahui," ujar Yang Berhormat.

Setakat ini, ujar Yang Berhormat ujian awal makmal bagi kontek-kontek terdekat kepada kes dijalankan, di mana lima orang daripadanya didapati positif.

"Mereka ini termasuk isteri dan dua orang anak kepada kes, seorang rakan kepada kes dan anak kepada rakan tersebut yang telah turut menghadiri perkumpulan keugamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia. Ujian pengesahan akan seterusnya dilakukan selepas 24 jam daripada ujian pertama, sebagaimana garis pandu yang sedia ada. Pada ketika ini, kelima-lima kontek mengalami tanda-tanda jangkitan yang ringan, seperti batuk dan selesema, tetapi berada di dalam keadaan yang stabil, tidak menghidap demam panas dan tidak memerlukan bantuan pernafasan," jelas Yang Berhormat.

Dalam hal ini, Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan juga mendapat maklumat mengenai kira-kira 90 orang warga tempatan yang sama-sama menghadiri perkumpulan keagamaan (tabligh) di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 28 Februari hingga 3 Mac 2020.

"Oleh yang demikian, mereka adalah dikehendaki untuk menghubungi talian +673 2381383 atau +673 2381380 (waktu bekerja sahaja) atau Talian Darussalam 123 (di luar waktu bekerja) dengan segera bagi mendapatkan nasihat

dan pemeriksaan selanjutnya. Sesiapa yang terlibat di dalam perkumpulan tersebut dan sedang mengalami tanda-tanda jangkitan seperti demam panas, batuk atau kesukaran bernafas, hendaklah segera pergi ke Pusat Flu (Flu Centre) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang terletak berhadapan dengan pintu masuk ke Jabatan Kecemasan," jelas Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini kes jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang dikesan pada 9 Mac 2020. Ujian pengesahan bagi kes tersebut dilakukan pada 9 Mac 2020 dan adalah positif bagi jangkitan COVID-19.

Yang Berhormat menambah, ini adalah kes pertama bagi Negara Brunei Darussalam, sampel daripada kes berkenaan akan seterusnya diantar bagi ujian pengesahan lanjut di WHO Reference Laboratory di Singapura, sebagaimana garispandu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Mengikut Pelan Tindakan yang sedia ada jelas Yang Berhormat, kontek-kontek yang didapati mempunyai tanda-tanda jangkitan dibawa ke Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk pemeriksaan lanjut manakala Perintah Quarantine (Quarantine Order) menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dikeluarkan bagi kontek-kontek lain.

"Perintah tersebut mengkehendaki kontek-kontek berkenaan untuk menjalani pengasingan mandatori dan status kesihatan mereka sedang dalam pemantauan. Tindakan ini diambil untuk melindungi orang lain yang

mungkin berada di sekitar kontek-kontek berkenaan dan memastikan jika kontek-kontek tersebut mempunyai tanda-tanda jangkitan, rawatan awal akan dapat segera diberikan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menyatakan, mana-mana kontek yang melanggar Perintah Kurantin dengan meninggalkan tempat kurantin dengan sengaja dikenakan tindakan undang-undang.

Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan penyiasatan kontek (*contact tracing*) dan tindakan lanjut akan diambil sebagaimana garis pandu yang sedia ada, di mana telah dihasilkan berdasarkan bukti-bukti saintifik.

Kementerian Kesihatan juga ingin menjelaskan bahawa kontek rapat (*close contact*) bagi setiap kes adalah didefinisikan sebagai orang-orang yang tinggal serumah dengan kes atau mereka yang berada bersama-sama kes dalam jarak kurang daripada satu meter selama 30 minit atau lebih di dalam kawasan atau ruang yang tertutup.

Oleh yang demikian, risiko penularan jangkitan dari hubungan yang tidak rapat (*transient or casual contact*) seperti perjumpaan yang tidak lama, termasuk di dalam kenderaan awam adalah dinilai sebagai berisiko rendah.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak benar juga mengeluarkan ugutan atau ancaman terhadap sesiapa yang disyaki dijangkiti COVID-19, termasuk ahli keluarga mereka. Sebagai Rakyat dan Penduduk

Negara Brunei Darussalam, terutamanya yang beragama Islam seharusnya mendoakan kesembuhan dan kesejahteraan orang-orang yang dijangkiti COVID-19 dan supaya Negara Brunei Darussalam dilindungi daripada segala bencana dan wabak penyakit.

Sebagai langkah pencegahan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menjaga kebersihan diri dan menjaga etika batuk serta bersin. Bagi orang-orang yang beragama Islam adalah disarankan untuk sentiasa berada di dalam wudhu kerana rukun-rukun wuduk adalah selari dengan nasihat-nasihat menjaga kebersihan diri seperti mencuci tangan, mencuci hidung dan mulut serta anggota tubuh badan lainnya.

Kementerian Kesihatan juga menasihatkan orang ramai untuk jangan berasa cemas jika bertambahnya kes berikut daripada penyiasatan-penyasatan kontek yang dijalankan. Walau bagaimanapun, tidak ada bukti yang menunjukkan terdapat penularan jangkitan dalam kalangan masyarakat berleluasa pada masa ini dan keadaan adalah terkawal.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perkembangan terkini mengenainya. Kementerian Kesihatan akan terus memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan sesuai dengan keperluan. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengelakkan dari pergi ke luar negara



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengadakan Sidang Media pada Selasa, 10 Mac di Kementerian Kesihatan, Berakas.**

jika tidak ada keperluan dan hendaklah memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas.

Sebagaimana Hadith Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud : "Jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya".

Oleh yang demikian, kita hendaklah bersatu dalam solidariti bagi menangani wabak COVID-19 ini dan bukannya mendiskriminasikan mana-mana pihak. InsyaaAllah, dengan doa dan tawakal kepada Allah, kita akan berjaya mengawal penularan wabak ini. Aamiin.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi talian-talian berikut : Talian Nasihat Kesihatan : +673 2381380 atau +673 2381383 (pada waktu pejabat sahaja) atau; Talian Darussalam 123 (di luar waktu pejabat).

## Negara catat kes pertama COVID-19

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Mac. - Kes pertama COVID-19 dikesan di Negara Brunei Darussalam, di mana ujian awal didapati positif dijangkiti pada petang hari ini.

Kes pertama tersebut merupakan seorang lelaki tempatan, berusia 53 tahun, di mana pesakit telah pulang ke negara ini pada 3 Mac 2020 dari Kuala Lumpur, Malaysia bersama tiga orang rakannya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar memaklumkan perkara tersebut pada Sidang Media yang diadakan di Kementerian Kesihatan, malam tadi.

Pada masa ini jelas Yang Berhormat, pesakit tersebut sedang menerima rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan, Daerah Tutong.

Menurut Yang Berhormat, pesakit mula berasa kurang sihat, sakit badan, demam panas, batuk dan selesema pada 7 Mac 2020 dan mendapatkan rawatan di Bahagian Kecemasan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada keesokan harinya.

"Sebagai salah satu langkah

pemantauan, berdasarkan pesakit tersebut mempunyai sejarah perjalanan ke negara yang terjejas dan menghidapi tanda-tanda jangkitan pernafasan, ujian untuk mengesan jangkitan COVID-19 telah dilaksanakan. Daripada hasil ujian awal tersebut telah mendapat pesakit positif bagi ujian permulaan jangkitan COVID-19," tegasnya.

Yang Berhormat turut memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan pada masa ini masih menunggu hasil ujian pengesahan dan pada ketika ini, pesakit berada dalam keadaan yang baik dan stabil.

Pihak Kementerian Kesihatan tambahnya, bertindak segera dengan mengesan dan menghubungi kesemua kontak, termasuk ahli keluarga pesakit dan tiga orang rakan yang ikut serta dalam perjalanan bersama pesakit tersebut.

"Kesemua ahli keluarga yang tinggal serumah bersama pesakit telah diberikan notis untuk menjalani kuarantin selama 14 hari. Kontak-kontak tersebut juga akan menjalani ujian bagi mengesan jangkitan COVID-19," katanya lagi.

Kementerian Kesihatan akan terus mengekalkan kesiapsiagaan yang tinggi dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan langkah surveilans dan penilaian risiko (Surveillance and Risk Assessment) bagi mengesan sebarang jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat telah dipertingkatkan dalam dua minggu lalu, memandangkan terdapat peningkatan penularan jangkitan di rantau Asia-Pasifik.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk tidak berasa cemas dan panik juga terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan, seperti Mengelakkan tahap kebersihan diri yang tinggi; Kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin); Memakai penutup muka (*mask*) jika awda mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan, seperti batuk atau selesema; Menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin; dan Membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera; dan Bersikap bertanggungjawab jika menghidapi tanda-tanda jangkitan

pernafasan untuk mendapatkan rawatan juga berehat di rumah dan mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat awam juga menghadiri acara-acara keramaian.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan lagi sekali kepada orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang terjejas bagi mengetatkan lagi kawalan kemasukan penyakit berkenaan ke negara ini, di mana telah diketahui dapat menjangkiti daripada manusia kepada manusia.

Kementerian Kesihatan juga meminta kerjasama orang ramai untuk bersikap bertanggungjawab dan mengelakkan daripada menyebarkan maklumat yang tidak betul dan tidak sah juga menghormati privasi pesakit dan keluarga yang terlibat.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperoleh daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, Kementerian Kesihatan akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.



**MENTERI Kesihatan semasa mengadakan Sidang Media mengenai pengesahan kes pertama yang disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini, di Kementerian Kesihatan Berakas.**

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi talian-talian berikut : Talian Nasihat Kesihatan : +673 2381380 atau +673 2381383 (pada waktu pejabat sahaja) atau Talian Darussalam 123 (di luar waktu pejabat).

# Jangan 'camah mata' ketika menjalankan tanggungjawab



**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Rancangan-rancangan pembangunan Daerah Temburong akan dapat dilaksanakan dengan lebih pesat dan tersusun dengan siapnya pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Brunei-Muara dan Daerah Temburong dan penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT).

Kemajuan-kemajuan ini sudah

setentunya akan meningkatkan lagi kualiti kehidupan Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong dan menjana lebih banyak aktiviti perekonomian di daerah tersebut, sekali gus menjadi penyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim berkata demikian semasa menghuraikan ucapan menjunjung kasih Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Bangunan MMN, di sini.

Menurutnya, perbelanjaan besar telah dikeluarkan untuk membiayai pembinaan jambatan dan rancangan-rancangan Daerah Temburong yang jelas menggambarkan komitmen rasa kasih dan tanggungjawab Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dalam memeduli kebijakan dan kesejahteraan seluruh rakyat juga penduduk ini dan dalam memastikan kemajuan luar bandar yang inklusif seiring dan menyeluruh.

Dalam menjana pembangunan negara pula, Yang Berhormat menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus komited untuk menyediakan peruntukan bagi pembiayaan projek-projek dan inisiatif-inisiatif pembangunan.

Mengambil kira sumber pembangunan negara yang masih terhad, setiap agensi kerajaan katanya, berkewajipan untuk mendukung titah Kebawah DYMM supaya sentiasa berhati-hati dalam merancang dalam mengurus perbelanjaan.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan segala projek dan inisiatif, hendaklah dipantau, ditadbir dan diurus dengan cekap dan telus serta amanah agar ia dapat mencapai sasaran *outputs* atau *outcomes* yang ditetapkan.

Kemudian, agensi-agensi yang lain juga disarankan untuk tidak 'camah mata' dalam sama-sama memantau projek-projek yang

dilaksanakan selaras dengan tanggungjawab masing-masing.

Melalui amalan berhemah dan usaha-usaha untuk mempelbagaikan ekonomi ujar Yang Berhormat, kita akan dapat mengukuhkan kestabilan kedudukan kewangan negara.

Tambahnya, ekonomi negara akan terus membangun dengan lebih yakin.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kepimpinan bijaksana baginda, negara kita akan secara berterusan menikmati kemakmuran dan kekal menjadi sebuah negara berdaulat yang sentiasa dilimpahi rahmat-Nya jua.

Dalam pada itu, Yang Berhormat sekali lagi mengingatkan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk memberikan buah fikiran dan cadangan yang bernes disokong dengan fakta-fakta yang betul dan tepat fokus juga relevan agar perbahasan akan lebih produktif.

Beliau percaya dan penuh yakin Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus menerus mendukung dan menjunjung setinggi-tingginya titah dan aspirasi murni Kebawah DYMM dengan



melibatgandakan usaha masing-masing ke arah pembangunan bangsa dan negara, khususnya dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.



**YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.**



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.**

Temburong untuk dimajukan.

Beliau juga menyeru rakyat dan penduduk daerah berkenaan supaya akan dapat mengambil peluang daripada rancangan AKDT. Di kesempatan itu, beliau mewakili seluruh rakyat dan penduduk daerah tersebut meraffakkan sembah menjunjung kasih dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana ia adalah merupakan wawasan baginda yang jauh dan tanda kasih.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyokong saranan titah baginda untuk mengamalkan doa dan mencadangkan agar amalan bacaan Sayyidul Istighfar dipraktikkan di majlis memulakan persidangan mesyuarat berkenaan berikutnya yang begitu besar.

## Kepentingan, kesejahteraan rakyat perlu diutamakan

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad**  
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim menekankan agar kita perlu menghayati antara kandungan Titah Kebawah DYMM pada Majlis Istiadat Pembukaan Rasmii Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 bagi Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam bertempat di Bangunan Dewan Majlis semalam, iaitu isu pekerja asing dan penglibatan warga asing dalam kegiatan perniagaan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa isu tersebut telah banyak dibincangkan, khususnya dalam pelbagai forum antaranya dalam muzakarah bersama kementerian-kementerian yang berkenaan, namun sejauh ini, belum menghasilkan natijah yang diharatkhan.

Dari itu kaola berpendapat, satu pendekatan baharu yang lebih praktikal perlu dicari, khasnya bagi menarik golongan

pencari kerja yang terdiri daripada belia-belia negara supaya kekal dan suka juga mencintai bidang pekerjaan yang akan mereka ceburi umpamanya dengan memberikan mereka insentif yang lebih menarik, khasnya skim perkhidmatan yang lebih sesuai dan menarik termasuk upah juga gaji yang lebih tinggi, katanya.

Kebawah DYMM dalam titah



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.**

juga mengingatkan supaya seluruh jentera kerajaan dan penjawat awam akan bekerja dengan penuh jujur, amanah, telus dan berintegriti serta sentiasa menjunjung tinggi falsafah Melayu Islam Beraja sebagai landasan untuk berfikir dan bertindak bagi kebaikan bangsa dan negara, kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam ucapannya turut menjunjung kasih pada hari pertama persidangan sangat menjunjung tinggi dan menghargai titah Kebawah DYMM juga menganggap titah baginda sebagai ibarat lampu pelita yang menerangi jalan kita yang panjang menuju pembangunan bangsa dan negara Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur, negara makmur sejahtera dan Tuhan itu maha pengampun.

Beliau menyembahkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM dengan irungan doa mudah-mudahan baginda akan sentiasa dikurniakan kesihatan, rahmat dan keberkatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam memimpin rakyat juga negara menuju ke mercu jaya.

Sementara itu, dalam ucapan junjung kasih hari ini, Yang Berhormat Awang Haji Emran

bin Haji Sabtu menyatakan titah Kebawah DYMM jika diamat-amati jelas terpancar gagasan penuh dengan pesanan yang bijaksana begitu juga baginda berpandangan sejak sekian waktu berulang kali menegaskan akan kepentingan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini dikehadapkan.

Yang Berhormat Awang Haji Emran turut menjelaskan bahawa Daerah Temburong, yang juga dikenali sebagai 'Permata Hijau' sangat bertuan dan beruntung kerana Kebawah DYMM telah mengurniakan titah perkenan bagi penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT), bertujuan bagi menjana aktiviti perekonomian juga meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di daerah itu.

Dengan adanya AKDT itu tambahnya, agensi-agensi berkenaan bersama pihak Urusetia AKDT diharap akan memastikan projek yang dilaksanakan mesra alam berjalan lancar berlandaskan dengan tempoh masa yang ditentukan dalam menjadikan Daerah Temburong sebagai destinasi utama ekopelancongan dan memfokuskan beberapa buah kawasan termasuk Labu, Pekan Bangar, Batang Duri dan Ulu

# Perbanyakkan persiapan ke arah penuaan sihat



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - 55 peratus daripada 50,768 tenaga pekerja perkhidmatan awam adalah kaum wanita, manakala 38 peratus kaum wanita lagi dalam tenaga kerja sektor swasta.

Bahkan, lebih ramai wanita yang menamatkan pelajaran di institusi pengajian tinggi, termasuklah dalam bidang sains dan teknologi.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari juga menyatakan, dapat dilihat dengan pelbagai peningkatan bagi belia dan wanita di negara ini, di mana telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena 'Hari Wanita Antarabangsa 2020' baru-baru ini.

Belia juga menurutnya diberi banyak peluang untuk memperlihatkan kebolehan diri. Ini termasuklah penglibatan mereka dalam mengajurkan aktiviti berskala nasional dan juga pencapaian-pencapaian dalam bidang kesukarelawanan dan keusahawanan, sama ada tempatan maupun

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Hernie Suliana Haji Othman

antarabangsa.

Justeru itu, Brunei Darussalam katanya, dijangka menjadi *an aging society* kerana lebih daripada 10 peratus penduduknya berusia di atas 60 tahun.

"Maka kita perlu membuat banyak persiapan bagi memastikan rakyat dan penduduk di negara ini akan dapat menikmati penuaan sihat dan menerima perkhidmatan kesihatan dan kebajikan yang lebih baik, termasuklah perkhidmatan *care giving*," tambahnya.

Kemudian, dalam menangani isu kesihatan mental, Yang Berhormat melahirkan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesedaran kesihatan mental terutama sekali dengan menubuhkan 'Mental Health Hotline'.

"Tidak dinafikan isu ini masih perlu diberikan perhatian terutama sekali dalam menangani stigma masyarakat dan juga perlindungan dari segi undang-undang. Di samping itu, khidmat bantuan ataupun *hotline* tersebut masih perlu dipertingkatkan bagi membolehkan masyarakat mendapat bantuan yang diperlukan," tambahnya lagi.

Menyentuh tentang pencemaran plastik, Yang Berhormat pula menjelaskan, ia merupakan satu isu yang dihadapi di negara ini, disebabkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Jika dibiarkan ia berpotensi

untuk mengakibatkan kerugian kepada kerajaan dari segi kos membersihkan dan menghapuskan plastik.

Ujarnya lagi, tidak dinafikan juga pencemaran sampah, terutama sekali plastik menjadi satu isu apabila ia melibatkan impak kepada alam sekitar dan pelancongan.

Baru-baru ini, Green Brunei dengan kerjasama beberapa buah kementerian kata Yang Berhormat, telah menjalankan kempen 'Bandarku Bersih' dan kempen 'Bandarku Bebas Botol Plastik' sewaktu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36 juga sewaktu acara 'Riadah Berbasikal' sebagai satu inisiatif untuk mengurangkan penggunaan botol plastik di negara ini.

Malah, Yang Berhormat turut melahirkan penghargaan kepada Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (JMM) atas inisiatif untuk mengurangkan botol plastik dalam mesyuarat berkenaan.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap mesyuarat tersebut akan dapat membincangkan isu-isu dan cadangan bagi kemajuan negara, termasuklah kekurangan Standard Operating Procedure (SOP) Pemantauan Petunjuk Prestasi Utama, Latihan bagi Penjawat Awam di setiap peringkat, Program Jangkauan Masyarakat yang lebih menyeluruh dan juga memperkasa akar umbi masyarakat untuk lebih aktif memajukan sosioekonomi kampung dan mukim dalam menangani pelbagai masalah sosial.

Terdahulu, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa semasa menyampaikan ucapan menjunjung kasih pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, pada sebelah pagi menyentuh bahawa Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam benar-benar mencerminkan keprihatinan baginda dalam memastikan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa hidup aman damai dan penuh kemakmuran.

Yang Berhormat juga berterima kasih kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah membuat pelbagai persiapan dan tindakan yang cepat dalam menangani dan mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 di negara ini terutama sekali apabila satu kes telah didapati positif dalam ujian permulaan baru-baru ini.

Penyakit tersebut sedang ditangani agar risiko penularannya di negara ini dikurangkan. Namun, seperti yang telah disebut dalam titah baginda kelmarin, Negara Brunei Darussalam jelasnya, juga tidak terkecuali daripada impak global penyakit tersebut seperti harga minyak yang telah turun ke \$33 setong, kesan kepada industri pelancongan dan sebagainya.

Dalam menangani isu Covid-19, kerjasama antara semua pihak tegasnya adalah sangat penting. Negara ini akan melalui satu era yang sangat mencabar disebabkan keadaan ekonomi yang defisit.

Pelbagai perubahan dan persediaan perlu dibuat bagi



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

memastikan kemampuan sumber-sumber yang ada, di samping membolehkan perkhidmatan harian berjalan dengan lancar.

Menyentuh titah baginda tentang beberapa pencapaian Kerajaan Kebawah DYMM seperti dalam bidang telekomunikasi, Yang Berhormat bersetuju kerana ia sangat diperlukan terutama sekali pada era globalisasi dengan pelbagai peningkatan dapat dibuat dalam bidang perniagaan dan pendidikan melalui kemudahan telekomunikasi yang lebih meluas.

Tentang penubuhan Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dalam sumber tenaga manusia dalam titah baginda itu, Yang Berhormat berharap ia akan dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran rakyat Brunei yang kini berada di tempat yang tinggi dengan 9.3 peratus.

"Ini bukanlah bermaksud rakyat haruslah bergantung pada kerajaan 100 peratus. Kita sebagai rakyat juga mempunyai peranan sebagai individu dan masyarakat untuk membuat perubahan meningkatkan kapasiti diri sendiri dan menjadi lebih berani dalam menempuh cabaran," terang Yang Berhormat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

## Sediakan syllabus menjurus latihan kemahiran

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selesa, 10 Mac. - Dalam era Industri Revolusi 4.0, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon menyatakan, penyaluran peruntukan kewangan ke arah penggunaan teknologi tinggi perlu ditekankan bagi memastikan usaha ini mempunyai produktiviti yang tinggi dan berdaya tahan dan mampu bersaing dengan negara lain.

Berhubung dengan sumber tenaga manusia, sejak dua tiga tahun kebelakangan ini, masalah pengangguran di kalangan belia menjadi topik utama dalam perbincangan sesi-sesi muzakarah yang lalu.

Menurut Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-16 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, dalam hal ini, beberapa inisiatif dan program telah diperkenalkan dan diusahakan oleh kerajaan terutamanya dari sudut pendidikan dan latihan kemahiran.

Mengenai penyediaan kepada *syllabus* yang menjurus kepada latihan kemahiran, Yang Berhormat berpendapat perlu disediakan seawal-awal peringkat persekolahan menengah lagi agar para pelajar atau belia tidak tercicir daripada ilmu latihan dan kemahiran.

Jika melihat kepada Belanjawan Negara, suntikan peruntukan kewangan yang amat besar disyorkan ke arah objektif pengurangan kадar pengangguran di negara ini, ini

terutama para belia.

Yang Berhormat berharap pihak kerajaan akan meneruskan pemantauan program ini melalui Petunjuk Prestasi Utama yang benar-benar mencerminkan keberkesanannya agar ia dapat dinilai dan diperbaiki juga berdaya tahan.

Manakala semua itu, dari sudut pendidikan dan latihan kemahiran, pihak kerajaan harus menekankan ke arah sudut penyediaan peluang pekerjaan yang mencukupi yang sudah sememangnya dirancang.

Dengan tertubuhnya Manpower Planning and Employment Council (MPEC), langkah-langkah keberkesanannya akan dapat difikirkan iaitu salah satu langkah yang turut perlu diterokai kesesuaian untuk dilaksanakan ialah insentif pendapatan kepada pekerja dan majikan di sektor swasta.

Ini menurut Yang Berhormat, bermaksud graduan yang belum

mempunyai pekerjaan tetap melebihi suatu masa akan menerima insentif gaji selama suatu tempoh sebagai tambahan kepada gaji yang diterima. Manakala majikan juga akan menerima insentif pengambilan pekerja bagi tempoh yang sama. Ini termasuk bagi warganegara bagi menggantikan pekerja asing.

Objektif utama jelasnya, ialah bagi kesamarataan kos pengambilan pekerja untuk mengalihkan kebergantungan pada pengambilan pekerja asing yang berpendapatan rendah. Langkah ini juga bagi membina modal insan dalam kalangan pencari pekerjaan untuk menjadi pekerja berdikari dan menyumbang secara produktif kepada pasaran buruh.

Yang Berhormat juga mencadangkan agar satu badan atau jawatankuasa terdiri daripada Jurutera-jurutera agensi kerajaan dan syarikat-syarikat

kejuruteraan swasta yang difikirkan sesuai serta ahli-ahli akademik dari Universiti Teknologi Brunei, umpamanya, perlu ditubuhkan bagi mengendalikan penyelidikan dan pembangunan atau *research and development* bagi menangani rungutan serta aduan yang sering diterima daripada orang ramai dalam projek perumahan menggambarkan pengurusan projek yang kurang efektif terjadi akibat pengawasan projek-projek yang lemah dan penggunaan bahan-bahan yang murah atau berkualiti rendah.

# 50 peratus pegawai kanan masih dalam jawatan memangku



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Negara Brunei Darussalam telah mengesan kes pertama COVID-19 dan insyaaAllah, dengan kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan dan Agensi-agensi lain, kita berdoa dan berharap supaya perkara ini tidak berlarutan dan dapat dikawal.

Dalam ucapan menjunjung kasih pada hari pertama Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 di Bangunan Dewan Majlis di sini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad seterusnya menyarankan di samping amalan-amalan dan mengikuti tatacara pengawalan virus berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan, adalah elok jua kita mempersiapkan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan kitani termasuk jua perniagaan-perniagaan dan perusahaan-perusahaan supaya dapat mengurangkan impak COVID-19.

Beberapa saranan itu antaranya

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Hernie Suliana Haji Othman

memastikan mana-mana pekerja yang dijangkiti COVID-19, baik di sektor-sektor swasta mahupun kerajaan, yang menjalani cuti kuarantin untuk tidak dipotong daripada cuti sakit, apatah lagi cuti tahunan serta mempertimbangkan untuk memberi sokongan kepada orang yang mungkin berisiko seperti mempunyai existing medical condition, usia yang lebih lanjut dan sebagainya untuk tidak menghadapi stigma mahupun diskriminasi baik sebagai pekerja mahupun pelanggan.

Yang Berhormat juga menambah agar diberi garis pandu yang sesuai untuk bekerja secara *remote* ataupun teleworking bagi sektor yang dapat diaplikasikan dengan cara tersebut serta menyediakan contingency plan sebagai persiapan dalam memastikan tiada gangguan atau kurang gangguan bagi penyampaian perkhidmatan di sektor kerajaan ataupun swasta contohnya jika perlu, pengambilan pekerja baharu boleh melakukannya secara online test dan *interview* melalui dalam talian, perkhidmatan di kaunter bolehlah digantikan melalui talian telefon, pekerja-pekerja yang menjalani kuarantin masih boleh diberi tugas secara *teleworking* dan lain-lain.

Terdahulu, beliau menyeru semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara termasuk diri beliau untuk mengubah pola pemikiran supaya berfikir secara strategik dan mencari

inovasi serta mencadangkan penyelesaian bagi isu-isu yang dibincangkan baik dari segi peruntukan mahupun dasar.

"Cukuplah kitani membawakan isu-isu lama, namun begitu, perlu jua ada kemas kini atau *update* dari pihak-pihak yang berkenaan mengenai isu-isu yang sudah dibangkitkan. Kalau belum ada jawapannya pada persidangan yang lepas, maka, tidaklah perlu ditanya lagi semula baharu dibincangkan, malah besarlah harapan saya, supaya update ini disampaikan secara telus dan suasana yang harmoni."

"Jika lemah, kitani kuatkan tah; jika salah, kitani betulkan tah dan jika perlu dibuat baharu, kitani sama-sama memikirkan dan mengambil tindakan yang perlu," ujarnya.

Dalam titah Kebawah DYMM juga, jelasnya, ada menyentuh mengenai menilai semula proses mempercepatkan pengisian jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Turut dimaklumi bahawa kitani tengah memastikan *efficiency and effectiveness* penjawat awam kitani melalui pelbagai usaha dan saya memuji usaha kitani semua dalam perkara ini.

Namun, masih ada satu kekurangan yang ketara dalam perkara ini iaitu jawatan-jawatan yang dipangku dan beliau berpendapat, jika seorang pegawai tersebut cuma menjawat jawatan tersebut secara memangku dan menunggu untuk ditetapkan, tidaklah menjadi

apanya, akan tetapi jika seorang pegawai tersebut, mempunyai dan memangku dua jawatan, bukankah ianya menjadi satu kerugian di mana salah satu jawatan tersebut dapat diisi oleh orang lain. Isu memangku terlalu lama jua mungkin dapat kitani sama-sama memikirkan penyelesaiannya.

"Contoh sahaja, mengikut kajian saya, dua buah Kementerian di mana 50 peratus pegawai kanannya adalah dalam jawatan memangku, malah ada sebuah Kementerian rata-rata kesemua pegawai kanan adalah dalam jawatan memangku. Saya berharap, perkara ini janganlah berlarutan terlalu lama, kerana ianya menampakkan kelemahan di dalam Human Capital Development kitani di dalam *succession planning*," ujarnya lagi.

Terakhir sekali, pemikiran jauh Kebawah DYMM terbukti dengan ingin melihat inovasi dalam perekonomian negara dalam era Fourth Industrial Revolution (4IR). Beliau seterusnya mengemukakan beberapa pendapat mengenai 4IR iaitu memberi beberapa peratus dari KDNK kitani di dalam Research and Development (R&D), memastikan pendidikan STEAM (Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics) diberi pengkhususan dan laluan kerjaya (career path) untuk disediakan.

Selain mengukuhkan lagi ekonomi digital kitani dengan meningkatkan kepakaran dan pemerkasaan serta menyediakan infrastruktur yang diperlukan, beliau juga berpendapat dalam menggalakkan pengusaha-pengusaha kitani untuk



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.**

berkecimpung ataupun sekurang-kurangnya mengadaptasi teknologi dalam perusahaan mereka.

Beliau juga turut mencadangkan untuk mempunyai program Bruneian Talent Tech Pipeline bagi mempersiapkan generasi perintis seterusnya dalam bidang teknologi yang boleh diusahakan bersama oleh konsortium universiti-universiti tempatan, Sektor-sektor Perniagaan dan orang-orang yang di dalam industri ini sebagai satu inisiatif membuatnya secara sistematis untuk mengembangkan bakat anak-anak muda kitani.

Yang Berhormat juga menyaksikan Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dalam menangani isu-isu pengangguran yang masih lagi memerlukan pembaikan dan justeru, ingin mengetahui perancangan hadapan bagi majlis berkenaan.

## Awasi penyalahgunaan lesen perniagaan



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari menekankan bahawa salah satu perniagaan yang patut diusahakan oleh rakyat di negara ini ialah bidang kedai runcit yang

dikirakan mendatangkan hasil keuntungan jutaan ringgit setiap bulan.

Tetapi sayangnya perniagaan ini dimonopoli oleh orang asing yang menggunakan pakai lesen orang Brunei dan sekarang ini dilihat sudah mula berdaftar atas pendaftaran Sendirian Berhad.

Yang Berhormat menegaskan sudah sampai masanya kita membuat transformasi perniagaan ini supaya dikuasai oleh orang Brunei.

"Salah satu cara mentransformasi perniagaan ini dengan melaksanakan penguatkuasaan dan menambah garis panduan syarat-syarat pendaftaran syarikat persendirian dan juga syarikat Sendirian Berhad. Pendaftaran syarikat Sendirian Berhad hendaklah meningkatkan syarat-syarat kepada orang asing yang boleh mendaftar seperti mereka mesti membawa dan mempunyai kewangan dari negara asal mereka dengan kadar sekurang-kurangnya ratusan ribu ringgit Brunei," jelas Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Ke-16 MMN yang berlangsung di Dewan MMN.

Yang Berhormat berkata, kita patut mengawasi dan melaksanakan undang-undang yang ada untuk mengekang penyalahgunaan lesen perniagaan.

"Hendaknya garis panduan pendaftaran Sendirian Berhad dikemas kini kerana mengikut maklumat, terdapat orang lain yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan syarikat Sendirian Berhad sehingga menjadikan sebilangan orang kitani sebagai *sleeping partner* menjadi mangsa," tegas Yang Berhormat.

Makanya diusulkan supaya pihak ROCBN akan menambah peraturan, garis panduan yang membenarkan orang asing mendaftar syarikat di bawah Sendirian Berhad sehingga mudah bagi mereka untuk memenuhi keperluan (*requirement* membawa keluarga mereka memasuki ke Negara Brunei Darussalam).

Yang Berhormat mengusulkan Whole of Nation Approach

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Hernie Suliana Haji Othman

supaya pihak-pihak berkaitan akan menggunakan bidang kuasa masing-masing bertindak mengeluarkan pendatang asing yang melakukan kerugian kepada

rakyat negara ini seperti jenayah perniagaan atau apa jua unsur-unsur aktiviti yang bersalahan dengan akta atau peraturan negara.



**ANTARA para pegawai kerajaan yang hadir mendengarkan usul menjunjung kasih di Dewan Persidangan MMN.**

# Memperkuuh jentera utama pembangunan negara



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan menjunjung kasih.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai jentera utama pembangunan negara akan sentiasa mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus yang baik atau *good governance* dalam semua peringkat dan sektor bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah yang terbaik, efisien, efektif dan yang penting ialah mesra rakyat dan

memudahkan orang ramai untuk membuat urusan.

Di samping itu, untuk sentiasa berjimat cermat dan berhemah juga memastikan setiap perbelanjaan mestilah mengutamakan *value for money* dan mendatangkan manfaat juga keuntungan kepada negara, penduduk dalam jangka pendek dan panjang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud berkata demikian semasa menyampaikan usul menjunjung kasih di hari kedua Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti menambah, keadaan ekonomi dunia dengan harga minyak tidak stabil dilihat akan terus memberikan impak kepada peruntukan belanjawan negara, tambahan lagi wabak COVID-19 yang sedang melanda di sebilangan negara yang terjejas telah banyak memberikan impak

kepada perniagaan industri pelancongan, perhotelan dan sebagainya.

"Dalam apa juga keadaan, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih terus menyediakan peruntukan yang besar bagi jentera kerajaan untuk melaksanakan program-program bagi kepentingan semua rakyat dan pihak yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, setiap orang dari kita tanpa kecuali mestilah 'menanai' tanggungjawab untuk menjadikan semua sektor lebih efisien dan efektif (berkesan)," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, khusus di sektor kerajaan dasar dan peraturan, inisiatif lain hendaklah dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan melalui *fiscal consolidation*. Selain meneliti kesesuaian kaedah-kaedah, seperti pengkorporatan atau perkongsian awam / swasta perlulah diberikan sokongan padu daripada semua pihak untuk kebaikan negara dengan pendekatan sepadu Whole of

Nation.

Dalam hal ehwal perkhidmatan awam pula jelas Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi perkhidmatan awam, khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan berganding bahu menangani projek-projek yang dijalankan, antaranya ialah projek Civil Service Leadership Pipeline (CSLP), Young Executive Program (YEP), Executive Development Program for Middle Management Officer (EDPMMO), Executive Development Program for Senior Government Officer (EDPSGO).

Lulusan-lulusan tersebut ujar Yang Berhormat, mempunyai potensi yang tinggi untuk memajukan jentera perkhidmatan awam, mereka alah ejen kemajuan, mereka alah pemangkin dan pemerksa (*sucession planning*) dalam perkhidmatan awam.

Yang Berhormat berkata, kita akan bersama gembira dan berpuas hati kerana mereka inilah nanti pengisi



jawatan-jawatan kosong dengan tidak perlu lagi memangku ataupun kalau memangku jawatan tersebut tidaklah akan memakan masa yang panjang dan tidak akan selama-lamanya memangku.

"Dalam hal yang telah disebutkan tadi, kaola menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha-usaha ke arah menggembung dan menanai bersama sektor kerajaan dan sektor swasta serta seluruh rakyat dan penduduk dalam kata lain sektor kerajaan, swasta dan penduduk negara ini mestilah berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan yang 'ampuh', jelas Yang Berhormat

## Garis panduan pengawasan projek kerajaan efektif dan teratur

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Kementerian Pembangunan, selaku agensi yang dipertanggungjawabkan bagi pemudah cara pertumbuhan industri pembinaan dan pengurusan projek-projek kerajaan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti sektor pembinaan di negara ini.

Dalam ucapan usul menjunjung kasih pada hari kedua berlangsungnya Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, menyokong usul yang dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim bagi menyembahkan settinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan

majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah baginda yang dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Ke-16 kelmarin.

Dengan mengamati titah Kebawah DYMM, ujar Yang Berhormat, sesungguhnya sangat padat dan bernas juga mengandungi nasihat yang mencerminkan keperibadian dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan kemakmuran juga kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam ucapannya turut mengongsikan beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh kementeriannya.

Pegawai Projek atau Pegawai Pengawas yang ditugaskan di

tapak-tapak projek akan menjurus ke arah memastikan kualiti pembinaan adalah sentiasa di tahap yang memenuhi keperluan sebagai seorang pengawas, termasuk juga kualiti bahan binaan yang memenuhi kehendak spesifikasi kontrak.

Melalui garis panduan Quality Supervision Manual yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya, ia merupakan dokumen rujukan bagi semua Pegawai Projek atau Pegawai Pengawas yang diguna pakai dalam memastikan tatacara prosedur pengawasan projek-projek kerajaan yang lebih efektif dan teratur juga menurut piawaian kontrak.

"Garis panduan ini juga InsyaaAllah akan diedarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang dipertanggungjawabkan bagi mengurus dan mentadbir projek-projek pembinaan. InsyaaAllah, pihak kementerian akan sentiasa menambah baik garis pandu ini dari semasa ke semasa mengikut

peredaran masa dan keadaan," jelas Yang Berhormat.

Mengenai dengan bahan binaan pula tambahnya, kesemua produk yang akan diguna pakai di dalam projek-projek kerajaan adalah dikehendaki untuk berdaftar dengan Kementerian Pembangunan melalui pembekal yang berdaftar.

Penubuhan Jawatankuasa Pendaftaran Produk Bahan-Bahan Binaan (JKPPBBB) di bawah Kementerian Pembangunan berperanan untuk mendaftar bahan binaan yang digunakan dalam industri pembinaan dan meneliti juga menilai laporan ujian yang dihadapkan oleh syarikat pembekal dari semasa ke semasa sebelum mendapat kebenaran untuk produk tersebut didaftarkan dan diguna pakai bagi projek-projek kerajaan.

Dalam hubungan itu, pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi yang berkenaan jelas Yang Berhormat, akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi usaha dan inisiatif dalam menangani projek-projek kerajaan dan



**YANG Berhormat Menteri semasa menyampaikan ucapan menjunjung kasih.**

akan sentiasa membuat pemantauan agar tidak berlaku penyelewengan, seperti penyelewengan menggunakan bahan-bahan yang murah atau kualiti yang rendah dan menjunjung kasih serta terima kasih atas beberapa cadangan dan saran juga buah fikiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama menambahbaikkan inisiatif yang sedia ada.

# Pacu agenda transformasi digital



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berkata, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara merupakan amanah dan hasrat yang perlu 'ditanai' dan disemai dengan sebaik-baiknya, khususnya dalam memastikan kemakmuran negara walaupun dalam menghadapi pelbagai cabaran globalisasi.

Kita sama-sama menjunjung

tinggi titah baginda supaya secara bersepada, strategik dan melalui pendekatan menyeluruh iaitu Whole of Nation, kita akan sentiasa sama-sama meningkatkan lagi kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, jelas Yang Berhormat.

Dengan penuh rasa bersyukur, Yang Berhormat menjunjung kasih dan menjunjung setinggi-tingginya titah baginda mengenai beberapa pencapaian negara yang utama dalam sektor telekomunikasi sebagai antara langkah transformasi berlatar belakangkan Industri Revolusi 4.0.

Dengan kebijaksanaan kepimpinan dan pandangan jauh baginda, inisiatif ini merupakan satu usaha besar kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diharapkan akan dapat mempercepatkan lagi agenda digital negara menuju ke arah Fourth Industrial Revolution.

Penubuhan Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad (UNN) sememangnya bertujuan mencapai keberkesanannya dari segi penjimatkan kos dalam penyediaan infrastruktur dan

bagi membolehkan infrastruktur untuk disediakan dengan lebih meluas di negara ini, ujar Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama langkah ini juga membuka platform bagi penyedia-penyedia perkhidmatan untuk lebih berdaya saing dan fokus dalam strategi perniagaan serta perkhidmatan telekomunikasi masing-masing.

Dalam hal ini, dengan adanya persaingan ia dihasilkan akan menggalakkan lagi inovasi dan kreativiti dalam kalangan penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan memberikan lebih banyak pilihan kepada para pengguna seiring dengan kepesatan teknologi.

Bagi memanfaatkan lagi pencapaian dalam sektor telekomunikasi ini, inisiatif-inisiatif dalam meningkatkan sumbangan sektor telekomunikasi ke pembangunan negara juga sedang giat dijalankan dengan kerjasama padu antara agensi-agensi kerajaan dan swasta, iaitu melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta pihak Darussalam Asset (DA) selaku peneraju utama.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan pihak AITI

selaku pengawal selia, pemudah cara dari segi dasar *regulatory* pelesenan dan penjagaan kepentingan orang ramai dalam menikmati perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi yang berkualiti, mempunyai pelbagai pilihan, sekali gus bagi memudah cara perniagaan dan aktiviti-aktiviti perekonomian serta pelaburan.

Yang Berhormat menambah, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, turut menjunjung tinggi titah saranan Kebawah DYMM bagi mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dan berkesan bagi membuka peluang pekerjaan juga mengurangkan kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam.

Melalui pendekatan Whole of Nation dan dalam mendukung dasar strategik Man Power and Employment and Council (MPEC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, jelas Yang Berhormat, telah pun dan akan meneruskan pelaksanaan beberapa inisiatif bagi meningkatkan peluang pekerjaan terutama sekali untuk anak-anak tempatan.

Antara inisiatif itu, jelas Yang Berhormat ialah Program AITI Apprenticeship yang telah dilaksanakan tahun ini bagi membantu meningkatkan kemahiran serta tahap *marketability* dalam mencari peluang pekerjaan mahupun



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyampaikan ucapan menjunjung kasih.**

dalam menerokai bidang perniagaan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah yang jelas menekankan agar semua perancangan dan usaha untuk disasarkan kepada matlamat utama negara yang semakin menghampiri kita, iaitu Wawasan Brunei 2035.

## Ketelusan di antara kerajaan, masyarakat penting



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum ini melalui titahnya prihatin dalam memberikan kesempatan untuk kita memberikan usul dan hujah yang bernes-

untuk difikirkan penting untuk membangun rakyat dan negara.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengulas perkara tersebut pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Yang Berhormat berpendapat bahawa kita haruslah tetap membincangkan dan menekankan beberapa perkara atau isu-isu yang besar walaupun pernah dibangkitkan.

"Ini kerana kita masih tidak nampak adanya perubahan ataupun pemberian yang telah dilaksanakan walaupun sering kali dibangkitkan terutamanya dalam menangani masalah ekonomi dan masalah pengangguran yang semakin meningkat. Kita sering menekankan mengenai sistem pentadbiran sebagai jentera kerajaan bagi merealisasikan dan menjayakan Wawasan Brunei 2035. Bukan itu sahaja, kita juga sentiasa

mengamalkan Whole of Nation Approach bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam pelaksanaan dan penggubalan dasar-dasar negara," tegasnya.

Jelasnya, ketelusan atau *transparency* antara kerajaan dan masyarakat itu adalah penting dan ini tidak bermaksud ia terhad kepada pelaksanaan akta-akta, garis panduan tetapi juga termasuk pembarigan maklumat,

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

program-program masyarakat, inisiatif-inisiatif pihak kerajaan dan merancang kemajuan yang ada dan yang akan dirancang oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat menekankan bahawa inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi melaksanakan Pelan Fiscal

Consolidation secara Whole of Government Approach adalah disambut baik.

Beliau berharap agar setiap kementerian akan dapat mencapai keseimbangan *balanced budget* masing-masing kerana satu perkara yang dapat membantu dalam mengawal perbelanjaan negara.



**PEGAWAI-pejawai kanan kerajaan bersama orang ramai yang hadir pada persidangan tersebut.**

# Memudah cara ekonomi digital giat dilaksanakan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu percaya bahawa sudah tiba masanya untuk kita semua menyahut hasrat Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan juga merancakkan lagi perkembangan dan penerokaan sumber hasil baru berlandaskan ekonomi digital.

Semasa menyentuh mengenai landskap ekonomi negara pada ucapan usul menjunjung kasih di hari kedua Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin menjelaskan, infrastruktur bagi memudahkan lagi ekonomi digital di negara ini sedang giat dilaksanakan.

Menurutnya, sumber tenaga manusia, termasuklah dalam kalangan orang-orang Brunei kita ada yang sudah mempunyai kemahiran, pengalaman dan kepakaran untuk membantu memacu perekonomian digital di negara ini. Pihak kerajaan pula nampak sentiasa memainkan peranan sebagai pemudah cara atau fasilitator. Persoalan yang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hamzah Mohiddin, Mohd. Sahrizal Haji Said

tinggal hanyalah adakah orang Brunei kitani, khususnya dalam kalangan belia berani tampil untuk menyahut cabaran meneroka dan meraih peluang dari perdagangan global tanpa sempadan ini. Jika sekiranya cabaran ini tidak diberikan penekanan sewajarnya negara boleh saja jauh ketinggalan, khususnya dalam persaingan ekonomi di peringkat antarabangsa, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin turut mengingatkan, dalam kita sibuk mengejar impian dan aspirasi negara janganlah pula kita lalai atau leka dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Jelasnya, tujuan undang-undang dan peraturan untuk mengekalkan dan mewujudkan ketenteraman dan keamanan dalam masyarakat. Perkara

seperti ini hendaklah sentiasa dititik beratkan serta dipergiatkan dan diperkuatkannya lagi agar tidak berlaku sebarang ketirisan dalam melaksanakan undang-undang juga peraturan berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26 yang baginda antara lain bertitah, "Jika perkhidmatan awam lemah melaksanakan keadilan maka kepentingan rakyat pasti terjejas kerana itulah undang-undang di gubal untuk dilaksanakan. Tidak ada gunanya bercakap mengenai undang-undang sedangkan jenayah dan pelanggaran terus dibiarkan berlaku tidak ditangani secara positif".

"Kaola menyambut baik setiap usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh semua pihak dalam sama-sama membangunkan negara bagi kita mencapai Wawasan Brunei 2035. Banyak perkembangan dan program pemberian telah dapat kita kecapaian sepanjang tahun lepas adalah diharapkan agar segala usaha kita, termasuk dari segi dasar rangka tindakan dan program akan dapat terus dipergiatkan juga dilaksanakan secara pendekatan Whole of Nation dengan semangat persepakatan dan perpaduan," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapannya.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadie semasa menyampaikan usul menjunjung kasih.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Sebagai langkah ke hadapan Wawasan Brunei 2035, inisiatif kebangsaan Whole of Nation hendaklah mempunyai kesan dan harus didorong juga dilaksanakan oleh pelanggan utamanya, rakan sokongan daripada pihak kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil (*civil society*).

Dengan panduan dan kekuatan rangka kerja eksekutif juga perundangan negara, salah satu inisiatif yang bercontoh Whole of Nation adalah Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadie semasa menyampaikan usul menjunjung kasih pada hari kedua berlangsungnya Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim

## SKN, inisiatif rangka kerja eksekutif akan dilancarkan

Permesyuaratan Ke-16 MMN di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Bangunan Dewan Majlis, menggariskan beberapa inisiatif yang boleh dicadangkan.

Inisiatif tersebut termasuk, Pergabungan Sukarelawan Kesihatan (Health Inclusive Volunteer Exchange), di mana inisiatif ini boleh dimulakan menerusi platform secara digital dengan memberi tumpuan kepada impak pusat perubatan dan pusat kesihatan kerajaan dengan tujuan menjadi sistem berdasarkan cara sukarela.

Dalam mengisi kekurangan kapasiti manusia dari semasa ke semasa dalam perkhidmatan kesihatan, terutama dalam jawatan atau perkhidmatan *non medical related*, inisiatif yang sedemikian seiring dengan KPI untuk mendukung matlamat wawasan kedua, jelasnya.

Salah satu lagi yang dicadangkan adalah platform pembelajaran *peer learning platform*. Menurut Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi, beberapa kajian menunjukkan bahawa pembelajaran rakan sebaya menjadi salah satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kemahiran, menggalakkan kepercayaan komuniti dan perpaduan masyarakat.

Platform seperti ini boleh dimulakan secara sukarela dan akan membolehkan peningkatan akses sokongan pendidikan yang berkualiti kepada mereka yang

memerlukan, seperti contoh juga perantisan atau *apprenticeship* menghasilkan artis-artis yang bukan sahaja memacu kegiatan industri kreatif, tetapi mampu membuat dalam komuniti mereka selain itu, contoh *urban farmers* yang mementingkan terhadap hasil pemakanan dan perkembangan sistem pertanian makro untuk menyokong masyarakat.

Ini didorong program pembelajaran rakan sebaya, inovasi dalam *augmented reality* dan *artificial intelligence*

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

yang diperkembangkan oleh syarikat-syarikat tempatan perlu digalakkan untuk meneroka cadangan sedemikian. Cadangan inisiatif ini membolehkan KPI mendukung matlamat wawasan ketiga, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi berkata, pendekatan

yang sama juga perlu dilakukan dalam cara Pelan-pelan yang dibentangkan oleh Kementerian-kementerian dan beliau berharap senarai perbelanjaan tahun 2020 / 2021 meneruskan objektif dan *valuable* yang mencerminkan tujuan ke arah wawasan.



PEGAWAI-pegawai kanan kerajaan berserta orang ramai yang hadir pada persidangan tersebut.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-16 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.

# Menteri KBS terima kunjungan hormat



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima kunjungan hormat daripada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak (KWKPK), Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menerima kunjungan hormat daripada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak (KWKPK), Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah bertempat di

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semasa kunjungan tersebut, kedua belah pihak bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman dalam perkara yang mempunyai kepentingan berkaitan bidang tugas juga tanggungjawab kedua-dua pihak, khususnya Hal Ehwal Kesejahteraan, Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat. Perbincangan di antara kedua-dua Menteri tersebut bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dua hala

dan hubungan erat yang telah lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak.

Menyertai rombongan Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang juga merangkap Penasihat Kedutaan dan Ketua Canseri, Puan Nadia Azura Mohd. Nudri; Menteri Muda Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak, Yang Berhormat Puan Hajah Rosey

binti Haji Yunus; dan Ahli Majlis Pendidikan Awal Kanak-kanak Sarawak (MPAKS), Yang Berbahagia Dato Dr. Adi Haji Badiozamam Tuah.

Turut hadir sama semasa kunjungan tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Wahid juga Pegawai-pegawai Kanan daripada kedua belah pihak.

Seterusnya, rombongan KWKPK berkesempatan melawat Pusat Bahagia, Brunei dan Muara juga mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, dan Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak)

mengenai peranan juga bidang tugas utama jabatan tersebut, terutamanya perkhidmatan institusi keluarga, wanita dan kanak-kanak.

Taklimat tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, juga Pegawai-pegawai Kanan daripada kedua belah pihak.

Selepas taklimat tersebut, Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah bersama rombongan dijemput beredar ke kelas-kelas kemahiran dan latihan Pusat Bahagia bagi menyaksikan pelatih-pelatih menunjukkan kemahiran, seperti memasak, menjahit, membuat kain tenunan, pengajaran bahasa isyarat braille, kelas ugama dan pertukangan kayu.

Pada sesi petang itu, para rombongan berpeluang menyaksikan Pameran Keusahawanan yang memperkenalkan produk-produk daripada Warga Emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), Ibu-ibu Tunggal, Program Pengupayaan Asnaf Zakat, 1 Kampung 1 Produk (1K1P) dan Program Curahan Ilmu.

Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah berserta rombongan yang dalam rangka Lawatan Kerja Rasmi akan berada di negara ini selama lima hari bermula 8 hingga 12 Mac 2020.

Antara lain program-program yang dijadualkan bagi rombongan tersebut, Perjumpaan bersama Kementerian Pendidikan, Majlis Wanita Brunei Darussalam dan persatuan-persatuan di bawahnya, syarikat-syarikat perusahaan tempatan juga lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

## Cuti penggal pertama persekolahan diawalkan

**Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan**

### Dari muka 1

Perubahan cuti ini akan melibatkan Sekolah-sekolah Rendah, Menengah, Maktab, Pusat Tingkatan Enam dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan juga Sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Sekolah-sekolah Swasta dan Sekolah-sekolah Antarabangsa.

Sesi persekolahan penggal kedua akan bermula seperti dijadualkan. Walau bagaimanapun sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan melalui saluran

rasmi media dan Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini dan menyarankan mengenai amalan menjaga kebersihan diri dengan baik.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh menghubungi Pusat Gerakan COVID-19 Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2382396 (pada waktu pejabat sahaja).

## Perkhidmatan berkhatan ditangguhkan

**Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Mac. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Perkhidmatan Berkhatan bagi Musim Cuti Persekolahan Penggal Pertama pada tahun ini ditangguhkan kepada Perkhidmatan Berkhatan Musim Cuti Persekolahan seterusnya.

Kementerian Kesihatan mengambil serius mengenai penyakit COVID-19 yang sudah

berada di Negara Brunei Darussalam dan mengambil langkah-langkah keselamatan dalam memastikan kesihatan orang ramai adalah terjamin.

Salah satu langkah berkenaan adalah mengurangkan perhimpunan orang ramai, termasuklah Perkhidmatan Berkhatan bagi Musim Persekolahan Penggal Pertama pada tahun ini.

Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

## Majlis Doa Kesyukuran bersempena 60 Tahun Penubuhan JBP

**Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**

**BERAKAS,** Isnin, 9 Mac. - Bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan Ke-60 Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di Surau Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha

Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan dan lebih daripada 150 orang warga jabatan tersebut. Terdahulu diadakan Sembahyang Sunat Hajat dan



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (dua, kanan) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-60 Jabatan Bomba dan Penyelamat.**



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN :  
JAPEM / Q / 2020 / KRK / 01  
[KEPERLUAN HARIAN]

PERKARA :  
PEMBEKALAN PERALATAN  
KEPERLUAN HARIAN KOMPLEKS  
RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN BAGI  
TEMPOH 2 TAHUN (KG. BELIMBING)

BIL TAWARAN :  
JAPEM / Q / 2020 / KRK / 02  
[PERALATAN PERSEKOLAHAN]

PERKARA :  
PEMBEKALAN PERALATAN  
PERSEKOLAHAN PENGHUNI /  
RESIDEN KOMPLEKS  
RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN  
BAGI TEMPOH 2 TAHUN  
(KG. BELIMBING)



TARIKH TUTUP :  
Rabu, 25 Mac 2020,  
jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN :  
Q.JDT / 02 / 2020

TAJUK TAWARAN :  
SEBUT HARGA MEMUNGGAH,  
MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN  
PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN  
SAMPAH BAGI  
BANGUNAN-BANGUNAN DAN  
PERUMAHAN-PERUMAHAN  
KERAJAAN DI BAWAH KAWALAN  
JABATAN DAERAH TUTONG BAGI  
TEMPOH KONTRAK  
DUA TAHUN

YURAN TAWARAN :  
BND10.00

TARIKH TUTUP :



Isnin, 23 Mac 2020,  
jam 2.00 Petang.



JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :  
JMK / BPB / A / 2020-2021 / 009

TAWARAN BAGI KERJA-KERJA  
PEMOTONGAN RUMPUT DAN  
PEMELIHARAAN LANDSKAP  
KAWASAN LUAR  
BANGUNAN DARULIFTA  
BRUNEI DARUSSALAM,  
JABATAN MUFTI KERAJAAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
SIMPANG 26,  
JALAN PENGIRAN  
BABU RAJA, BANDAR SERI  
BEGAWAN, NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM) BAGI TEMPOH  
SATU (1) TAHUN

TARIKH TUTUP :  
Rabu, 30 Rejab 1441H



bersamaan 25 Mac 2020M,  
jam 2.00 Petang,



JABATAN PENTADBIRAN  
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN



SEBUT HARGA RANCANGAN  
PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH  
BAHAGIAN SKIM HARAPAN

BILANGAN SEBUT HARGA :  
DA / JKSH / 126 / 2019 / 2020  
[BPPA-MAC-2020]

KETERANGAN :  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR KEPERLUAN  
RANCANGAN PEMAKANAN  
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM  
MINUM BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH AMAR  
PAHLAWAN  
2. SEKOLAH RENDAH PULAIIE,  
JALAN PULAIIE, BERAKAS  
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
[BAGI KOD BLOK : SM/06].  
BAGI TEMPOH TIGA [3] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :  
DA / JKSH / 127 / 2019 / 2020  
[BPPA-MAC-2020]

KETERANGAN :  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR KEPERLUAN  
RANCANGAN PEMAKANAN  
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM  
MINUM BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH KUALA BELAIT  
2. SEKOLAH RENDAH  
SUNGAI TERABAN  
3. SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD  
ALAM, SERIA DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
[BAGI KOD BLOK : SM/48].  
BAGI TEMPOH TIGA [3] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :  
DA / JKSH / 128 / 2019 / 2020  
[BPPA-MAC-2020]

KETERANGAN :  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR KEPERLUAN  
RANCANGAN PEMAKANAN  
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM  
MINUM BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH KUALA BELAIT
2. SEKOLAH RENDAH  
SUNGAI TERABAN
3. SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD  
ALAM, SERIA DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
[BAGI KOD BLOK : SM/48].  
BAGI TEMPOH TIGA [3] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :  
DA / JKSH / 129 / 2019 / 2020



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG YANG  
BERDAFTAR DALAM  
KELAS : I & II

Tarikh tutup :  
18 Mac 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :  
KHEDN / BPE / Q1015 / 2020

Tajuk Projek :  
TO PROVIDE 30 MONTHS  
STORAGE FACILITIES RENTAL  
FOR FIBRE AND WOODEN  
TRADITIONAL RACING BOAT  
AND PONTOON,  
MINISTRY OF HOME AFFAIRS  
BIL : KHEDN / BPE / Q1015 / 2020

Bilangan Projek :  
KHEDN / BPE / Q1015 / 2020

Yuran Tawaran :  
Tidak dikenakan bayaran

DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG YANG  
BERDAFTAR DALAM  
KELAS : I & II

Tarikh tutup :  
18 Mac 2020 (Rabu)



JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN  
SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :  
JPKK / JKSH1920-QTN.35 / BTM

Tajuk Sebut Harga :  
PEMBEKALAN  
PRODUK SYMANTEC  
BAGI SISTEM E-INVOICE BAGI  
JABATAN PERBENDAHARAAN,  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN  
EKONOMI

Tarikh tutup / jam :  
Sabtu,  
21 Mac 2020, jam 9.00 Pagi



[BPPA-MAC-2020]

KETERANGAN :  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR KEPERLUAN  
RANCANGAN PEMAKANAN  
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM MINUM  
BAGI SEKOLAH RENDAH PENGIRAN  
SETIA JAYA PENGIRAN HAJI ABDUL  
MOMIN, KAMPUNG PANDAN,  
DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
[BAGI KOD BLOK : SM/53].  
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN  
SETIAP SEBUT HARGA :  
BND5.00 [Bayaran dokumen tawaran  
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :  
21 MAC 2020  
[Tidak lewat jam 9.00 Pag]


**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM  
KELAS III, IV & V  
KATEGORI S01**

Tarikh tutup pada :  
**24 Mac 2020, Selasa  
sebelum jam 2.00 Petang.**

**JASTRE / BKP / T006 / 2020  
OPERATION AND MAINTENANCE  
WORKS OF AIR QUALITY  
MONITORING EQUIPMENT  
CONSISTS OF SIX (6) UNITS OF  
TEOM MODEL : 1400 / 1400A / 1400ab  
FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR**

NO. PROJEK :  
**JASTRE / BKP / T006 / 2020**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :**

**BND30.00 (tidak dikembalikan)**


**JABATAN PENTADBIRAN  
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**THREE YEARS TERM CONTRACT  
COMPREHENSIVE MAINTENANCE  
FOR SPORT FACILITIES**

**BILANGAN TAWARAN :  
MOE / LTK / 101 / 2019 / 2020  
[JPPE-MAC-2020]**

**BAYARAN DOKUMEN :  
BND30.00  
[Bayaran Dokumen Tawaran  
tidak dikembalikan]**

**KETERANGAN :**  
**THREE YEARS TERM CONTRACT  
COMPREHENSIVE MAINTENANCE  
FOR SPORT FACILITIES UNDER  
BRUNEI MUARA AND TEMBURONG  
DISTRICT, MINISTRY OF EDUCATION,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.  
KELAS : II DAN III SAHAJA  
KATEGORI :  
KA01 DAN B01 SAHAJA**



**TARIKH TUTUP :**  
**SELASA, 24 MAC 2020,  
[Tidak lewat  
jam 2.00 Petang]**


**KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA  
SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

**12 MONTHS TERM CONTRACT  
OF RUBBISH COLLECTION FOR  
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN**

Tarikh akhir mengambil borang tawaran :  
pada Sabtu, 26 Rejab 1441H  
bersamaan 21 Mac 2020M  
sebelum jam 10.00 Pagi.


**KEMENTERIAN  
PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

**TAWARAN NO. 1:  
MINDEF / DFA / RC / 13 (4)  
SUPPY OF SHOES HIGH  
GLOSS BLACK**

**BAYARAN TAWARAN :  
BND100.00 - (tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP :  
Selasa, 14 April 2020,  
tidak lewat jam 2.00 Petang**


**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**


**BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 312 / 2019**

**TAJUK :  
TO DESIGN AND CONSTRUCT FOR  
NEW DISABLE TOILET, NEW DISABLE  
RAMP AND OTHER WORKS  
AT MASJID SETIA ALI, MUARA,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KELAS :  
II & III**

**KATEGORI :  
B 01 SAHAJA**

**TARIKH TUTUP :  
RABU, 11 MAC 2020, 2.00 PETANG**

**YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**

**BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 313 / 2019**

**TAJUK :  
ANTI-TERMITE TREATMENT WORKS  
TO MASJID KAMPUNG SINAUT  
TUTONG DISTRICT  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KELAS :  
II & III**

**KATEGORI :  
KPB 05 SAHAJA**

**TARIKH TUTUP :  
RABU, 25 MAC 2020, 2.00 PETANG**

**YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA  
SEBUT HARGA TERTUTUP BAGI  
1 BUAH PERAHU PENGANGKUTAN  
(JENIS KARGO) BG 0360 KEPUNYAAN  
JABATAN DAERAH BRUNEI  
DAN MUARA**

SUKACITA adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam membuka Tarawan Lelong Sebut Harga bagi Perahu seperti yang disenaraikan di bawah ini :

**LOT 1**

**KETERANGAN :  
PERAHU PENGANGKUTAN (JENIS  
KARGO) BILANGAN PENDAFTARAN  
BG 0360  
JUMLAH : 1 BUAH  
TEMPAT :  
UNIT KENDEREAAN LAUT  
BENGKEL JABATAN DAERAH BRUNEI**

**DAN MUARA, SIMPANG 15  
JALAN LAPANGAN TERBANG  
LAMA BERAKAS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(BERHADAPAN DENGAN  
KOMPLEKS SUKAN JKR)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. Borang sebut harga boleh didapati dengan harga **BND5.00 sekeping** bagi setiap satu (1) Lot barang yang ditawarkan. Borang boleh diperoleh di Kaunter Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini, dengan menggunakan sampul surat tertutup dan bertulis dengan terang.

**TAWARAN LELONG**
**BAGI SEBUAH (1) PERAHU  
PENGANGKUTAN (JENIS KARGO)  
BILANGAN PENDAFTARAN BG 0360**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tarawan Sebut Harga seperti yang dinyatakan di bawah ini :

Peti Sebut harga  
Jabatan Daerah Brunei dan Muara  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tarawan pada :

**17 Mac 2020 (Selasa), jam 2.00 Petang**

Tempat dan waktu melihat peralatan dan perkakas yang akan dilelong : Di Unit Kenderaan Laut, Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam (berhadapan dengan Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya).

Waktu melihat peralatan dan perkakas yang akan dilelong : **12 Mac 2020 (Khamis)** dan **14 Mac 2020 (Sabtu)** bermula jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang.



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 8 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MARZUKI BIN HAJI MAHMUD** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH NORANI BINTI HAJI MOHIDDIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 9 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD AZRIN BIN ABDULLAH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN JIJAH BINTI PENGIRAN HAJI METUSIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 10 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAMDAN BIN HAJI AWANG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MASTURA BINTI HAJI MOHD ZAIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 11 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SAMSIAH BINTI HAMDAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MD. SALLEH BIN AWANG BESAR (ALIAS) HAJI KAMARUZAMAN @ HAJI ABD. RAZAK** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si

mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 12 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORSIDI BIN YAHAYA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD KHAIRUL MUKMIN BIN NORSIDI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BAPA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 13 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NOORLISAHWATI BINTI HAJI OMAR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH SITI FATIMAH BINTI ABDULLAH (ALIAS) ANG GIOK LIAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 14 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JULIAN FUNG YOON SIONG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DATO PADUKA KEVIN FUNG KIAT KONG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**

**NO. LA / BSB / 15 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH AFIDAH BINTI HAJI KAMIS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI KAMIS BIN HAJI METASSAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 16 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI OSMAN BIN JAIS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH TUAH BINTI MUDDIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 55 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PADILAWATI BINTI OSMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ZUL HAJI BIN HAJI AHMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 347 / 2019**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LIM CHIA YEE** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **TAN BENG YOK (ALIAS) LIM BENG YOK** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Februari 2020.

**(MAHMUD ZUHDI BIN KARIM )**  
Pemangku Penolong Pegawai Waris  
b.p Penolong Pegawai Waris  
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam.

**KES NO. BCY / CP / 18 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**  
- Pemutang / Pemetisyen

**MUHAMMAD ZAIMUDDIN BIN AWG. MOHD ZININ**  
(BYIC No. 00-318003)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Januari 2020**.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **12 Mac 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **12 Mac 2020, jam 9.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara berterulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 18 Januari 2020

**KES NO. BCY / CP / 338 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemutang / Pemetisyen

**MO**

# Bersahabatlah dengan Al-Quran

منجو كريضاعن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كلوان قوسة دعوه اسلاميه

**H**IDUP tanpa Al-Quran umpama hidup tanpa haluan dan panduan. Kepentingan Al-Quran bukan sekadar kitab bacaan bagi umat Islam semata-mata, bahkan ia sebagai satu perlembagaan hidup yang lengkap, diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maal'idah, Ayat 15 dan 16 yang tafsirnya : "Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada Allah dan Kitab (Al-Quran) yang memberi

**"DAN sesiapa yang berpaling daripada peringatan-Ku (petunjuk-Ku) maka sesungguhnya baginya kehidupan yang sempit (di dunia) dan Kami akan menghimpunkannya pada Hari Kiamat dalam keadaan buta. Dia berkata : "Ya Tuhan-Ku! Mengapa Engkau himpulkan aku dalam keadaan buta padahal aku dahulu (di dunia) dapat melihat?" Allah berfirman : "Demikianlah telah datang kepadamu ayat-ayat keterangan Kami maka engkau melupakannya dan demikianlah (pula) pada hari ini engkau dilupakan. Dan demikianlah Kami membala sesiapa yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat keterangan Tuhanmu. Dan sesungguhnya azab akhirat itu lebih berat dan lebih kekal".**

# Melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpi dan adab-adabnya

KELUARAN KETIGA

**Percakapan Dan Perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Yang Dilihat Di Dalam Mimpi Tidak Boleh Dijadikan Hujah Dalam Hukum**

**I**MAM an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab Shahih Muslim bi Syarah an-Nawawi menyebutkan :

**Ertinya :** "Sesungguhnya mimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika tidur adalah benar dan bukan igauan buruk atau tipu daya syaitan. Akan tetapi, dalam menetapkan atau mensabitkan suatu hukum syarak itu tidak diharuskan dengan mimpi tersebut".

Maka jelas bahawa percakapan dan perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dilihat di dalam mimpi tidak boleh dijadikan sebagai ketetapan dan pensabitan suatu hukum syarak, bahkan tidak boleh menjadi hujah dalam hukum.

Adapun jika dia bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam mimpi itu Baginda memerintahkan untuk melakukan perkara-perkara yang dianjurkan ke atasnya atau Baginda malarangnya daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah ke atasnya, ataupun Baginda memberi panduan atau mengajarkannya perkara kemaslahatan atau perbuatan yang baik, maka dia (orang yang bermimpi) boleh beramal dengannya.

Imam an-Nawawi Rahimahullah menyebutkan :

**Ertinya :** "Adapun jika dia bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam mimpi itu Baginda memerintahkannya untuk melakukan perkara-perkara yang dianjurkan ke atasnya atau Baginda malarangnya daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah ke atasnya, ataupun Baginda memberi panduan atau mengajarkannya perkara kemaslahatan atau perbuatan

yang baik, maka tidak ada pertikaian dalam galakan untuk beramal dengannya kerana yang demikian itu bukan hukum ekoran mimpi bahkan kerana kesemua itu adalah apa yang telah ditetapkan pada asalnya".

Walau bagaimanapun, orang yang bermimpi berjumpa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perlu juga memerhati dan meneliti isi mimpiinya. Jika isi mimpiinya itu bercanggah dengan ajaran Al-Quran dan Al-Hadis, maka sudah jelas isi mimpi itu tidak boleh dipercayai dan diamalknya, apalagi diceritakan kepada orang lain.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri tidak pernah mengatakan sesuatu yang bertentangan dengan kebenaran boleh dipakai, sama ada ketika hidup atau selepas wafat.

Sebagai contoh seseorang bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam mimpiinya itu Baginda mengkhabarkan bahawa yang mula-mula sekali masuk syurga ialah umat Baginda, kemudian barulah Baginda sendiri. Apakah isi mimpi tersebut benar dan boleh diterima? Sedangkan kenyataan ini tidak selaras dengan apa yang disebut dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri bahawa penjaga pintu syurga mengkhabarkan kepada Baginda bahawa orang yang pertama dibukakan pintu syurga sebelum yang lainnya adalah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sebagaimana yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Aku mendatangi pintu syurga pada Hari Kiamat dan aku meminta agar dibukakan (pintu syurga tersebut). Maka penjaga pintu syurga bertanya : "Siapa engkau?" Dan aku menjawab : "Aku Muhammad". Lantas dia (penjaga pintu syurga) berkata : "Untukmu (dibukakan pintu syurga sebelum Nabi-nabi selainmu), aku diperintahkan agar tidak membukakan pintu untuk sesiapapun sebelum engkau".

(Hadis riwayat Muslim)

Begitu juga bagi orang yang mendengar

isi mimpi yang diceritakan oleh orang yang bermimpi, yang tidak selaras dengan apa yang disampaikan dalam Al-Quran dan Al-Hadis, maka sudah setentunyalah perkara yang disampaikan kepada mereka itu tidak boleh diterima sama sekali.

Walau bagaimanapun, dalam perkara menerima isi mimpi orang yang mendakwa dirinya bermimpi itu sama ada berupa perkhabaran atau pesanan, maka pihak yang mendengar boleh menapis sama ada munasabah boleh berlaku begitu atau tiada munasabah.

## Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan beberapa perkara, iaitu :

1. Bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah perkara benar dan boleh (harus) berlaku.

2. Para ulama berselisih pendapat sekiranya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dilihat dalam mimpi bukan dalam sifat atau bentuk yang diketahui / dimaklumi seperti berikut :

- (1) Sebilangan ulama menyatakan orang yang bermimpi sedemikian itu tidak melihat Baginda.

- (2) Sebilangan ulama pula mengatakan bahawa dia melihat Baginda. Walau bagaimanapun, mimpi seperti itu memerlukan *ta'bir* dan *ta'wilan*. Pendapat ini dicenderungi kebanyakan ulama.

- (3) Orang yang bermimpi melihat Baginda tidak wajar menceritakan mimpiinya kepada orang lain. Para ulama ada yang melarang dan tidak menggalakkan untuk menceritakan mimpi itu kepada umum.

- (4) Dalam memahami isi mimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka terpulang kepada orang yang bermimpi melihat Baginda itu sendiri memahaminya, kerana perkara itu adalah perkara ghaib. Sekiranya dia benar-benar ingin tahu, seeloknya dia merujuk perkara tersebut kepada orang alim bagi meminta pandangan dan nasihat tentangnya dari segi hakikat (rupa bentuk Baginda yang sebenar) atau mimpi tersebut perlu *ta'bir*, *ta'wil* dan sebagainya.

- (5) Hukum syarak tidak boleh



**IRSYAD HUKUM**

جَانِبَاتْ مُعَيْنَةٍ كَلِمَاتُهُ

جَانِبَاتْ مُعَيْنَةٍ كَلِمَاتُهُ

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam


Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

disabitkan berdasarkan mimpi. Ini kerana orang yang tidur bukan berada dalam keadaan sedar, tidak memiliki sifat *dhabith* dan dia tidak dapat memastikan dengan tepat apa yang didengarnya dalam mimpiinya.

Sebagai Irsyad, bagi pihak yang mendengar, dalam perkara menerima isi mimpi yang diceritakan oleh orang yang bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, adalah ditekankan supaya mengambil sikap berhati-hati dalam menyandarkan apa-apa sahaja perkara kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Mempercayai atau tidak mempercayai tentang cerita seseorang yang mengaku bermimpi bertemu atau melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukanlah perkara yang menjelaskan keimanan atau tauhid seseorang. Ia boleh sahaja diabaikan sekalipun isi mimpi berkenaan itu tidak mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak.

## Kemudahan Pusat Media di sepanjang Musim Permesyuaratan MMN Ke-16



PUSAT Media Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menyediakan kemudahan Wi-Fi bagi memudahkan mendapatkan akses Internet dan sebagainya.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Mac. - Bagi memastikan kelancaran acara Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan sepanjang mesyuarat diadakan

selama beberapa minggu ini, beberapa orang jawatankuasa bagi acara tersebut ditubuhkan.

Pelita Brunei menemu bukal Pegawai Perhubungan Awam JMM, Dayang Siti Ajeerah binti Najib @ Juvina Aimi binti Najip selaku Ketua Jawatankuasa Media

dan Publisiti menjelaskan mengenai kemudahan yang terdapat di Pusat Media.

Bagi memberikan keselesaan, khususnya untuk wartawan dan pemberita yang bertugas, Dayang Siti Ajeerah seterusnya menjelaskan bahawa beberapa buah kerusi dan meja disediakan, termasuk beberapa buah komputer untuk mereka membuat berita-berita yang akan diterbitkan.

Pusat Media turut menyediakan kemudahan Wi-Fi bagi memudahkan mereka untuk mendapatkan akses Internet sekitar mereka perlu menghantar terus berita-berita yang telah siap, tambah Dayang Siti Ajeerah.

Selain itu, Dayang Siti Ajeerah turut menerangkan mengenai tugas dan tanggungjawab jawatankuasa berkenaan, iaitu untuk menjemput semua media dalam membuat liputan sepanjang persidangan dan bukan sahaja untuk istiadat

pembukaan.

Menurutnya lagi, Jawatankuasa Media dan Publisiti mengawal maklumat-maklumat yang dikeluarkan kepada orang ramai, malah jawatankuasa tersebut juga menjadi pengantaraan bagi maklumat-maklumat yang diHansard untuk disampaikan ke pihak media juga kepada institusi tertentu.

Sementara itu, Jabatan Penerangan merupakan *focal* jabatan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pihak media swasta dan membantu Pusat Media dengan menyediakan banner, whiteboard dan pigeon hole.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat-maklumat terkini mengenai Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN bolehlah melayari Laman Sesawang JMM, iaitu [www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn).



## Sukan mampu angkat martabat negara ke mata dunia

**S**UKAN lasak merupakan kegiatan yang acap kali dipandang endah tak endah oleh masyarakat pada era transisi modenisasi masa kini. Faktor dominan yang menyumbang ke arah landasan pemikiran masyarakat disebabkan kurang diberi pendedahan tentang aktiviti sukan lasak, seperti berbasikal dan mendaki gunung. Persoalannya, Apa Pendapat Biskita cuba huraikan kali ini apakah kebaikan menyertai aktiviti sukan lasak?

"Pada pendapat saya, kebaikan menyertai sukan lasak adalah menjadikan kita lebih tabah menghadapi segala rintangan dan onak duri dalam kehidupan. Misalnya, apabila kita mendaki gunung, kita perlulah tabah dan kuat semangat bagi mengatasi apa jua halangan. Aktiviti ini bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal, malah mental juga memainkan peranan penting. Jelaslah, sukan lasak ini mampu menyemai ketabahan diri kita untuk menghadapi cabaran hidup.

Lanjutnya, sukan lasak juga mampu menyihatkan badan dan mencerdaskan minda. Dengan adanya badan yang sihat, kita dapat menjalani kehidupan dengan keadaan lebih selesa dan kondusif. Sementelahan, modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dapat dilahirkan. Oleh yang demikian, masyarakat, khususnya golongan remaja yang bakal menjadi tonggak negara pada masa hadapan perlu sedar betapa banyaknya kemaslahatan menyertai aktiviti sukan lasak". - **Abdul Hafizzudin Ali Bakar, BSB.**

"Sukan lasak dapat menyediakan landasan ke arah kecemerlangan sukan. Selaras dengan isu yang dibangkitkan, apabila masyarakat sedar akan kebaikan menyertai aktiviti sukan ini, budaya bersukan dapat dipupuk. Contohnya, pelajar boleh mengembangkan bakat mereka dalam sukan lasak jika menyertai pertandingan anjuran sekolah, seperti pertandingan berbasikal. Maka, jelaslah bahawa dengan menyertai sukan lasak, kecemerlangan dalam bidang sukan dapat ditingkatkan". - **Mohd. Hazik HK, Beribi.**

"Pada realitinya, tidak dapat dinafikan bahawa sukan lasak mempunyai risiko untuk cedera. Namun, kecederaan tersebut boleh dielakkan jika kita mengamalkan adab-adab bersukan dengan betul. Oleh sebab itu, semua pihak perlu memainkan peranan penting bagi menukar pandangan masyarakat terhadap bidang sukan ini. Ibu bapa boleh mendedahkan anak-anak dengan sukan lasak, seperti menonton pertandingan berbasikal peringkat Olimpik. Bak kata peribahasa, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Selain itu, pihak-pihak tertentu juga boleh menubuhkan kelab sukan lasak agar dapat mencungkil bakat para pelajar. Kecenderungan ke arah sukan lasak dapat ditingkatkan jika semua lapisan masyarakat memainkan peranan". - **Nurradiana Osman, Gadong.**

"Remaja sekarang memang tahan lasak. Mereka lebih gemar mencebur aktiviti yang lasak dan mencabar. Oleh itu, sekiranya kelasakan mereka tidak dijuruskan ke arah aktiviti yang berfaedah, maka mereka akan melibatkan diri dalam pelbagai gejala negatif yang tidak menguntungkan sesiapa pun. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, maka sukan lasak seperti kembara, mendaki gunung, berkayak dan lumba basikal banyak dianjurkan oleh pelbagai pihak dan sambutannya amat menggalakkan.

Oleh itu, aktiviti ini perlu diperluas pada peringkat sekolah dengan harapan dapat membentuk individu yang mempunyai ketahanan diri dan berani menghadapi cabaran. Selain itu, sekiranya sukan ini diperkenalkan pada peringkat sekolah, maka kita menyediakan atlet dalam bidang sukan lasak yang boleh mewakili negara ini pada peringkat antarabangsa kelak. Hal ini demikian kerana bidang sukan ini perlu diperkenalkan pada peringkat awal lagi atau peringkat sekolah.

Untuk berjaya dalam pelbagai sukan lasak, bukanlah satu usaha mudah yang dapat dilatih dalam masa setahun dua sahaja, tetapi mengambil masa yang lama. Jadi, sekiranya sukan lasak ini diperkenalkan pada peringkat sekolah, maka pelajar yang berminat dalam bidang ini dapat mengasah bakat mereka melalui latihan yang terbimbing semasa di bangku sekolah. Oleh itu, apabila mereka meninggalkan sekolah, mereka masih boleh meneruskan latihan intensif agar boleh mewakili negara dalam acara yang dipilih mereka. Sukan ekstrem atau sukan lasak yang digemari oleh pelajar dan tidak membahayakan diri mereka wajar diperkenalkan di sekolah kerana kita mahu generasi muda kita membabitkan diri dalam bidang sukan ini.

Malah, sukan lasak perlu dipertandingkan pada peringkat daerah dan kebangsaan supaya kita dapat mengenal pasti bakat generasi muda dan mengasah bakat itu. Dengan itu, kita mempunyai barisan pelapis untuk mewakili negara dalam pelbagai sukan lasak pada peringkat antarabangsa". - **Haji Ridzuan Haji Mohd. Ali, Gadong.**

Bagi pandangan saya selaku penulis, sukan lasak perlu dibela nasibnya dengan mengadakan pelbagai aktiviti sukan lasak bagi memajukannya. Rakyat kita sendiri khususnya perlu berganding bahu bagi melonjakkan taraf sukan lasak di negara kita hingga terkemuka di seantero dunia. Sesungguhnya, sukan lasak membawa seribu satu kemaslahatan yang menguntungkan buat semua. Oleh itu, sukan lasak patutlah diceburi oleh semua peringkat umur agar dapat menjulang nama negara ke persada dunia.

**Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.**

Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kebaikan dan Keburukan Telefon Bimbit Kalangan Pelajar
- ii. Cara Menarik Minat untuk Membaca



**rumbak** bermaksud terkoyak sedikit tentang kulit atau kuku kerana tersandung dan sebagainya.  
Contoh pemakaian kata : kulit kaki Si Munah **rumbak** bagas tarabah antadi.

**marungkoi** bermaksud

1 terlentok dan tidak bermaya kerana sakit, uzur, terlalu tua, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : kasian jua usul nininya ani sabatahnya sakit ani **marungkoi** usulnya udah.

2 kiasan jatuh miskin kerana bankrap dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : luan lakas picaya kan urang, inda mau manarima nasihat, nah **marungkoi** kana tipu.

**marusiakan** bermaksud merahsiakan atau tidak memberitahu sesuatu perkara, hal, atau kejadian kepada orang lain.

Contoh pemakaian kata : tahantah udah Si Baha atau **marusiakan** kasadihannya sabatah bininya maninggal.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**



## RPN KAMPUNG RATAIE



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

## SAYUR REBUNG MASAK LEMAK

### BAHAN-BAHANNYA :

- 400gm rebung (dihiris)
- 8 ekor udang hidup (dicencang)
- 3 ulas bawang merah (dihiris)
- 2 ulas bawang putih (dihiris)
- 5 biji cili padi
- 3 biji cili merah
- 1 gelas santan

### Minyak

Garam dan serbuk perasa secukupnya

### CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak terlebih dahulu, masukkan bawang merah dan bawang putih. Masak

hingga naik bau. Setelah itu, masukkan cili padi dan cili merah. Gaul rata. Masukkan udang hidup, rebung dan santan. Gaul lagi hingga rata. Setelah itu, masukkan garam, serbuk perasa dan gaul. Biarkan seketika hingga rebung tersebut masak.

# Mendekati masyarakat dalam Program Sua Muka



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TUTONG**, Selasa, 10 Mac. - Dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan rakyat juga ke arah menyebarluaskan sikap pemeliharaan pihak kerajaan terhadap masyarakat, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong

mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Keriam bertempat di Balai Raya, Kampung Keriam, Mukim Keriam, Daerah Tutong.

Mengetuai rombongan, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan

## Kemasyarakatan.

Program Sua Muka tersebut turut dihadiri oleh Pemangku Ketua Kampung Keriam, Awang Ahanapi bin Haji Mahadi; Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan juga Ahli Majlis Perundingan Kampung Keriam.

Program Sua Muka ini dilaksanakan lima hingga enam kali dalam sebulan dan 60 kali pada satu tahun bagi Daerah Brunei dan Muara, manakala bagi Daerah Belait diadakan sebanyak 11 kali dalam satu tahun dan bagi Daerah

MENGETUALI rombongan Program Sua Muka bagi Kampung Keriam, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan (dua, kanan) (kiri), sementara gambar atas, antara penduduk Kampung Keriam yang hadir pada program tersebut.

Tutong, sebanyak enam kali dalam satu tahun.

Bagi Daerah Temburong pula diadakan sebanyak lima kali dalam satu tahun. Kesemua isu yang diterima dalam

Program Sua Muka akan disampaikan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk makluman juga tindakan mereka masing-masing.

## RALAT

**MERUJUK** Pelita Brunei keluaran edisi Isnin, 9 Mac 2020 pada muka surat 12, berita bertajuk 'JHEM anjur Pertandingan Membaca Al-Quran', nama pada kapsyen dan para kedua hendaklah dibaca seperti berikut :

'Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri'. - Ketua Penyuntingan.



## Kewujudan Pusat Belia masih relevan

**P**USAT Belia Bandar Seri Begawan (BSB) mula dibuka pada 20 Disember 1969, di mana matlamat penubuhannya adalah sebagai platform bagi golongan belia untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan juga program kebeliaan, sekali gus meningkatkan pembangunan belia secara positif di negara ini.

Sungguhpun Pusat Belia telah mencapai usia emasnya yang ke-50 tahun, namun keberadaannya di tengah ibu kota BSB masih relevan hingga ke hari ini. Malah, seiring dengan peredaran waktu, Pusat Belia ini turut mengalami beberapa perubahan khususnya dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang

lebih teratur dan menarik.

Antara kemudahan atau perkhidmatan yang ada di Pusat Belia pada ketika ini ialah Akademi Ijaz Al-Quran, Akademi Masakan, Akademi Komputer dan Akademi Kecantikan di mana ia merupakan tempat-tempat belajar yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh para belia yang mempunyai minat dan kecenderungan dalam bidang-bidang tersebut.

Selain itu, untuk menambahkan lagi kemudahan yang lebih komprehensif, Kafe Belia telah disediakan untuk memenuhi keperluan pengunjung Pusat Belia terutama orang ramai yang menginap di Asrama Pusat Belia. Kafe Belia ini dikendalikan oleh Pusat

Pembangunan Belia yang akan mengetengahkan potensi belia dalam bidang kuliner untuk mereka belajar berdikari.

Di samping itu, kemudahan kolam renang di Pusat Belia juga turut dipertingkatkan untuk kegunaan orang ramai dengan menawarkan perkhidmatan lain seperti *life saving*, *basic regatta*, *canoe polo sports* dan banyak lagi yang akan dirancang yang menjurus kepada pembangunan dan perkembangan sukan air di negara ini.

Sebagai tambahan, Pusat Belia turut melaksanakan Program Weekend Space bagi memberi ruang dan peluang kepada belia untuk menambah pendapatan sampingan pada hujung minggu.

Malah, tidak ketinggalan juga diberi perhatian ialah belia-belia yang berminat dengan bidang kebudayaan dan kesenian untuk memanfaatkan kemudahan studio yang disediakan.

Dengan adanya kemudahan dan juga perkhidmatan di Pusat Belia ini, diharap para belia akan dapat menggunakan dengan semaksimnya agar ia dapat membangun belia untuk kemajuan pesat mereka, di samping menjadikannya objektif untuk menyatupadukan belia ke arah kebajikan.

**Nama : Mohammad Daniel Hariz bin Haji Shahwardy**  
**No. K/P : 01-138837 (K)**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Produk Tempatan Berpotensi Tembusi Pasaran Luar'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2020
- 'Waspada Menyebarkan Maklumat Di Sosial Media'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2020
- 'Pupuk Budaya Membaca Kalangan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2020

### Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

DI-TERBITKAN  
DUA KALI  
SA-BULAN

# PELITA BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 5

BANDAR BRUNEI, RABU, 2 MARCH, 1960 (4 Ramadan, 1379)

PERCHUMA

AKHBAR RASMI  
KERAJAAN  
NEGERI BRUNEI

## HUKUMAN DENDA JIKA TIDAK PUASA

BANDAR BRUNEI — Orang2 Islam yang akal baligh akan di-hukum jika di-dapati tidak berpuasa dalam bulan Ramadan ini.

Ketua Pejabat Ugama Negeri Brunei Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha mengingatkan orang2 Islam bahawa hukuman itu di-tetapkan dalam Undang2 Majlis Ugama.

Barang siapa pada siang hari di-dalam bulan puasa makan di-tempat ramai atau di-tempat2 lain yang boleh nampak oleh orang akan bersalah.

Orang2 yang menjual makanan kapada orang2 Islam pada siang hari akan bersalah juga mengikut undang2 tersebut.

Orang2 yang melanggar undang2 itu akan di-denda \$50. Bagi kesalahan yang kedua \$75 dan kesalahan yang ketiga \$100.

Dalam satu siaran ketua pejabat ugama itu berkata bahawa mereka yang uzor dan tidak boleh berpuasa hendak-lah menjauhkan diri daripada makan dan minum pada siang hari di-hadapan orang ramai.

Ini ia-lah langkah untuk memelihara meruah ugama Islam.

Tarikh memegang puasa telah

### Perentah atas bahasa rasmi

BANDAR BRUNEI — Langkah yang tegas untuk melaksanakan sharat2 dalam perlembagaan Negeri Brunei mengenai bahasa rasmi ia-itu bahasa Melayu telah di-ambil oleh Kerajaan.

Ketua2 pejabat telah di-perentahkan supaya menggunakan bahasa Melayu dalam surat2 dan minit.

Papan2 pemberitahuan dan papan2 nama pejabat mesti-lah ditulis dalam bahasa Melayu dan pegawai2 mesti-lah menggunakan gelaran mereka dalam bahasa Melayu.

Dalam satu surat keliling, Setia Usaha Kerajaan, Inche Wan Ahmad, meminta ketua2 pejabat menghantarkan kapada-nya salinan2 semua borang, buku2 resit dan lain2 surat yang di-chetak dan di-gunakan.

Borang2 dan surat2 itu akan di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu.

di-tetapkan pada 28 February oleh Yang di-Pertua Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah Kadhi Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Satu rombongan pegawai2 uga-ma yang telah keluar melihat

bulan pada petang 26 February telah balek menyatakan bahawa anak bulan tidak kelihatan pada petang itu.

Pengiran Shahbandar telah mengumumkan terlebih dahulu bahawa permulaan berpuasa akan jatoh pada hari Ahad, 28 February jika anak bulan tidak nampak pada petang 26 February tersebut.

Dalam bulan puasa ini, orang2 Islam akan di-beri tahu masa bersungkai.

Tembakan meriam akan kedengaran pada sa'at yang tertentu sa-bagai isharat untuk berbuka puasa.

### GURU2 MELAYU RA'IKAN BEKAS

### GURU MAKTAB LATEHAN GURU

BANDAR BRUNEI — Guru2 Melayu Brunei yang terdiri dari murid2 tua maktab Sultan Idris Training College, Tanjong Malim baharu2 ini mengadakan satu majlis kerana mera'ikan sa-Harun bin Mohamed Amin.

Inche Harun telah berkunjung ka-Brunei bagi kali pertama-nya sa-bagai sa-orang tokoh kebudayaan dan politik Singapura sa-telah meninggalkan Brunei 14 tahun dahulu sa-lepas berkhidmat sa-bagai pengelola pelajaran Melayu negeri ini.


Beliau telah di-undang ka-Brunei oleh Party Ra'ayat Brunei untuk menghadiri kongres ke-3 party tersebut.

Dalam uchapan-nya Inche Harun telah menyeru guru2 mendek

murid2 supaya menjadi orang2 yang berguna kapada negara dan bangsa.

"Usaha dalam pendidekan mesti-lah mempunyai dasar pendidekan kebangsaan yang tulun supaya nanti anak2 kita mempunyai jiwa besar dan boleh berdiri di-atas kaki-nya sendiri," kata Inche Harun.

Majlis itu telah di-uruskan oleh Inche Hussin bin Mohamed Yusof dan telah di-adakan di-dewan sekolah Melayu R.I.F. di-sini.



Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei ia-lah tempat tumpuan orang2 Islam beribadat. Dalam bulan puasa ini mereka tidak putus2 datang mengaji siang dan malam di-mesjid itu.

\*\*\*\*\*  
Ahli Dewan  
Ra'ayat  
mengadap  
D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia te-la menerima kedatangan dua orang tokoh politik Malaya, Inche Ahmad Boestamam dan Inche Harun Amin Rashid mengadap baginda di-Istana Darul Hana dalam minggu lepas.

Inche Boestamam, sa-orang ahli pembangkang dalam Dewan Ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ia-lah ketua umum Parti Ra'ayat Malaya dan presiden Barisan Sosialis, Persekutuan Tanah Melayu, manakala Inche Harun ia-lah ketua Parti Ra'ayat Singapura.

Tokoh2 politik itu telah berkunjung ka-Brunei kera-na hadir dalam kongres ke-3 Parti Ra'ayat Brunei yang di-langsungkan di-sini dari 19 hingga 21 February lepas.

Dalam satu kenyataan Inche Boestamam telah me-muji kebijaksaan baginda yang sentiasa mengambil berat atas pemerentahan negeri untuk kebajikan ra'ayat.


Negeri Brunei, kata beliau, sangat bertuah men-dapat sa-orang Raja saperti baginda.

### Penuntut2 ka-S'pura

BANDAR BRUNEI — Lima orang pemuda Brunei telah di-pileh memasuki sekolah Arab Al-Junid di-Singapura untuk melanjutkan pelajaran ugama dan Arab mereka.

Pemuda2 itu telah masuk pe-perekson pada 13 February le-pas dan telah di-uji dalam tau-hid, ibadah, ilmu hisab dan Koran.

Mereka di-jadualkan berlepas ka-Singapura dalam bulan April hadapan dengan sharat mendapat akuan kesihatan dari-pada doktor.



# Buku 'Raja Melakar Sejarah' terima Anugerah Khas Buku Terlaris 2019

Rencana : Ihsan Osman Abu Bakar, Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei  
Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan

**B**UKU 'Raja Melakar Sejarah' tulisan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima penghargaan Anugerah Khas Buku Terlaris 2019 sempena Pesta Buku Brunei 2020.

Penganugerahan tersebut diterima pada Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2020 yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, selaku wakil Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 29 Februari 2020.

Pesta Buku Brunei adalah projek tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka, KKBS dan adalah salah satu acara pengisian sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Penganugerahan Anugerah Khas Buku Terlaris 2019 bagi buku 'Raja Melakar Sejarah' ini diberikan berdasarkan pengiktirafan, pencapaian dan keberhasilan yang telah dicapai oleh buku ini. Pada tahun 2018, buku ini telah menerima Anugerah Buku Umum Terbaik ASEAN 2018 pada Majlis Anugerah Buku ASEAN 2018 anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia (YPBM) sempena Majlis Anugerah Buku Negara Malaysia 2018 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, Malaysia pada 30 April 2018. Pada majlis yang sama, versi bahasa Inggeris buku ini, 'The King Who Shape History' turut menerima Anugerah Buku Terjemahan Terbaik ASEAN 2018.

Di samping itu, sejak diterbitkan, buku ini telah dicetak ulang sebanyak lima kali dan hingga kini telah terjual sebanyak 7,553 naskhah.

Buku ini ditulis seterusnya diterbitkan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada tahun 2017. Pelancarannya telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pada 13 Muhamarram 1439H bersamaan 4 Oktober 2017M.

Kandungan terpenting buku ini ialah mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, siapa dan bagaimana baginda itu selaku raja dan sekali gus kepala negara dan ketua kerajaan, meliputi dari sudut-sudut personaliti, karakter sampailah kepada gaya kepimpinan baginda mengemudi dan mentadbir negara serta kerajaan. Ini dapat dikesan dari banyak aspek: penampilan, pergaulan, titah-titah, tatacara, budi bicara, sikap, semangat dan pegangan hidup.

Buku ini juga lebih menekankan kepada aspek-aspek pencapaian, keunikan dan kegemilangan kepimpinan raja iaitu Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang pentadbiran awam, ugama, adat resam, undang-undang, pendidikan, politik, ekonomi dan akhir sekali sedikit mengenai Negara Zikir. Negara Zikir adalah visi raja.

## Edisi Kemas Kini 2019

Buku yang pada asalnya (cetakan pertama 2017) mengandungi 17 bab, kini dalam cetakan Edisi Kemas Kini 2019, bagi merespons cadangan daripada pembaca. Dalam edisi terbaru ini, kandungan buku ini telah ditambah satu bab lagi menjadikannya 18 bab iaitu Bab 17 yang asal dijadikan Bab 18 sementara Bab 17 adalah tajuk baharu (tambahan) iaitu Raja dan Keselamatan. Pada akhir buku ini disusunkan juga biodata penulis sebagai tambahan.

Bab 17 (bab tambahan), Raja dan Keselamatan, memperkatakan tentang perkembangan 'tonggak' yang berperanan melaksanakan tanggungjawab memelihara dan mengawal keselamatan dan keamanan negara iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

## 1. PPDB

Pada awal bab ini, penulis merakamkan mengenai PPDB. Sistem kepolisian mula diperkenalkan di Brunei oleh Residen British pertama Mc Arthur (1906-1908). Peranan awal Polis Brunei ketika itu

ialah untuk membantu ketua-ketua kampung menjalankan undang-undang dan menjaga keamanan negeri serta mengawal kediaman rasmi Residen dan pejabat-pejabat kerajaan yang ada di Bandar Brunei termasuk menjaga keselamatan awam.

Sejarah awal Polis Brunei cuma terdiri daripada dua orang sahaja, seorang etnik Pathan dan seorang lagi etnik Sikh. Pada tahun 1916, bilangan itu bertambah lagi kepada 35 orang, 13 orang etnik Sikh dan 22 orang Melayu. Pada tahun 1923, tanggungjawab PPDB diperluaskan dengan tambahan tugas-tugas meliputi bomba, penjara, imigresen dan lain-lain.

Sebaik Perang Dunia Kedua berakhir pada tahun 1945, Tentera Inggeris telah mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Brunei, termasuk pentadbiran polis dan apabila keadaan semakin pulih, pada Julai 1946, Tentera Inggeris telah menyerahkan pentadbiran Brunei kepada Residen dan buat pertama kalinya melahirkan anak tempatan pertama memegang jawatan Inspektor Percubaan Polis iaitu Stephen Lew Keeson.

Setelah Perlembagaan Bertulis 1959 dikuatkuasakan, jawatan Pesuruhjaya Polis telah diperkenalkan bagi mengantikan jawatan Ketua Polis dan pada tahun 1975, jawatan ini telah mula dipegang oleh anak tempatan.

Ketika usia penubuhannya genap 50 tahun pada 14 Ogos 1971, imej PPDB semakin menyerlah dan kukuh. Pada detik inilah, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan Bendera Panji-Panji kepada PPDB dan baginda juga telah berkenan menerima lantikan Inspektor Jeneral Polis, Pasukan Polis Brunei. Pada tahun 1975, Pasukan Polis Wanita Diraja Brunei telah ditubuhkan.

## 2. ABDB

Askar Melayu Brunei telah ditubuhkan secara rasminya pada 31 Mei 1961, iaitu genap satu dekad selepas pertabalan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Empat tahun kemudian Askar Melayu Brunei telah dianugerahkan 'Gelaran Diraja' yang menjadikannya dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB).

ABDB terus berkembang ketika pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Baginda bukan sahaja menitikberatkan kecanggihan peralatan dan kekuatan pertahanan luaran tetapi turut menitikberatkan pertahanan dalam (spiritual). Di samping itu, baginda juga turut mempunyai wawasan yang jauh terhadap kepimpinan dan pembelajaran / pendidikan bagi anggota ABDB.

Sehubungan itu, pada 2 Januari 2009 Pusat Latihan ABDB yang ditubuhkan pada 7 April 1969 telah dinaik taraf sebagai Institut Latihan ABDB. Bersempena Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-47 pada 31 Mei 2008, baginda bertitah menyambut baik langkah ABDB untuk menuju Akademi Tentera pada tahun tersebut dan turut mengambil maklum mengenai penubuhan Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta kerja-kerja peningkatan kepada Institut Latihan. Baginda mengharapkan supaya aset-aset tersebut digunakan sebagai wadah pembelajaran sepanjang hayat. Pada 1 Julai 2010 Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi pula ditubuhkan, dan pada 15 November tahun yang sama, baginda telah berkenan merasmikan Maktab Turus, Akademi Pertahanan ABDB.

Baginda dalam pendekatan mengenai keupayaan untuk melengkapkan angkatan bersenjata, terutama tentang kehebatan dan ketahanan, bagi penulis baginda amat menitikberatkan bidang kepimpinan.

Penulis menjelaskan bahawa menurut baginda, kita tidaklah dapat bergantung hanya kepada kekuatan lahir sahaja, tidak memadai dengan kita memiliki peralatan moden dan canggih semata-mata, tetapi lebih awal dipentingkan ialah gaya kepimpinan yang bijaksana yang berteraskan iman dan takwa kepada Allah, kerana bagi baginda yang menggerakkan segala-galanya itu ialah Allah jua. Demikian sifat raja yang soleh, sentiasa berserah dan merendah apabila berhadapan dengan kuasa Allah.

Mengulas mengenai perkara tersebut, penulis di dalam bab ini turut menegaskan bahawa bagi siapa yang menyandarkan pimpinan kepada Allah semata-mata, orang itu adalah mampu untuk memahami, bahawa 'kuasa' itu adalah mutlak milik Allah jua. Lalu dengan kefahaman ini menjadikannya bertambah-tambah teguh dan yakin bahawa pertolongan dan pembelaan Allah adalah segala-galanya.

"Demikian sifat raja yang soleh, sentiasa berserah dan merendah apabila berhadapan dengan kuasa Allah," tegasnya.

# RRP dekati pelajar Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri



**PEGAWAI** Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan kepada para pelajar Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (NLP), Jangsa Tahun 9 dan 10.

**JANGSAK**, Selasa, 10 Mac. - Seramai 26 pelajar Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SM NLP), Jangsa Tahun 9 dan 10 menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP)

anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan di Dewan Puteri, sekolah berkenaan.

Program tersebut merupakan persembahan khusus bagi peringkat remaja, terutama pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat dan kegiatan semasa.

Ia antara lain bertujuan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan juga hal ehwal sekeliling mereka, di samping menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja juga menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Antara pengisian program, Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Beliau dalam taklimatnya, antara lain menerangkan mengenai sejarah Bendera Negara Brunei Darussalam, di mana bendera

**Berita dan Foto :**  
Marlinawaty Hussin

negara mula direka bentuk pada tahun 1906, manakala lambang kerajaan berbentuk panji-panji berwarna merah ditambah pada bendera pada tahun 1959.

Selain itu, beliau juga menjelaskan mengenai latar belakang warna bendera; bendera rasmi peribadi dan orang-orang yang dikurniakan gelaran juga bendera jabatan kerajaan yang berpakaian seragam; bentuk panji-panji Negara Brunei Darussalam dan ukuran standard juga cara mengibarkan bendera negara.

Program turut diserikan dengan persembahan tarian asli oleh para pelajar sekolah berkenaan yang disusuli dengan Lawak Jenaka juga Kuiz Kenegaraan oleh Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Awang Haji Mohd. Firdaus bin Haji Salleh.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Guru Sekolah Menengah NLP, Dayang Rosalinda binti Abdullah kepada para pelajar yang berjaya menjawab soalan kuiz.



**ANTARA** pelajar Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SM NLP) yang hadir pada program tersebut.

## Senarai Alert List AMBD dikemaskinikan

**Siaran Akbar :**  
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Mac. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List AMBD dikemaskinikan.

Alert List AMBD ialah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejedis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa entiti yang dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan Februari 2020 adalah seperti di bawah :

- a) AMillennium Holdings Sdn. Bhd. / Joint Venture (AMillennium Hotels) / Joint Venture (Automotive Solutions);
- b) Andy Ong (Facebook Profile);
- c) Astro Maybank (Facebook Profile);
- d) Bluebirdbn.Home (IG Profile);
- e) Brunei Crypto;
- f) Crypto Mania Club (CMC) Brunei;
- g) LiteFinance Brunei;
- h) Lynn Dyana (Facebook Profile);
- i) Nurul Nooralifah (7146977);
- j) T.A.G Marketing / Triple A Group Marketing / International Consumer Entrepreneurship (I.C.E) / T.A.G Mart;
- k) Zuan Zymah (Facebook Profile) l) 8124773;

Alert List AMBD yang dikemaskinikan boleh didapati melalui Laman Sesawang AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn). Senarai Syarikat-syarikat dan Individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman sesawang yang sama.

AMBD ingin menasihati orang ramai supaya tidak berurusan dengan mana-mana entiti atau individu yang menjalankan aktiviti-aktiviti kewangan, seperti penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang tanpa lesen atau apa jua aktiviti-aktiviti kewangan yang menimbulkan kecurigaan yang boleh menyalahi undang-undang di bawah pengawalseliaan AMBD. Jika berurusan dengan entiti atau syarikat atau individu yang tidak dikawal selia oleh AMBD, orang ramai tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD.

AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan pelindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian +673 2380007 atau e-mel melalui [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn).

## Sukan kasut roda kembali digemari

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**PENGASAS** Inline Skate Brunei, Awang Haji Md. Ashadi bin Haji Ajmain.

Dari muka 24

Pengasas Inline Skate Brunei, Awang Haji Md. Ashadi bin Haji Ajmain semasa ditemui pada Program BKC menjelaskan, Sukan Inline Skate / Rollerblade memang sudah wujud lama, di mana beliau sendiri sudah bermain kasut roda sejak 20 tahun lalu, namun pada ketika itu, aktiviti ini masih belum berkembang di negara ini.

Menurutnya, jika di luar negara, Inline Skate merupakan satu aktiviti sukan popular yang dianggap Sukan Ekstrem (Extreme Sport) dan dipertanding-

kan pada kejohanan-kejohanan.

"Namun kami dianggap sebagai Urban Skaters, di mana kami selalu membuat aktiviti ini di jalan-jalan raya, seperti semasa Program BKC ataupun di kawasan laluan sekitar Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, dan ini juga adalah sebagai salah satu aktiviti kesihatan badan atau *fitness*," jelasnya.

Kegemilangan Sukan Kasut Roda di negara ini kembali pada sekitar awal tahun lalu, di mana ketika itu hanya beberapa orang penggemar aktiviti ini, namun sehingga kini komuniti penggemarnya bertambah dan kini mempunyai lebih 50 orang merangkumi lelaki, perempuan juga belum termasuk kanak-kanak.

Beliau menjelaskan, terdapat pelbagai jenis kasut roda bagi orang dewasa dan kanak-kanak, di mana harga bagi kasut roda yang dijual adalah dalam anggaran bermula BND200 hingga BND1,000 mengikut jenis dan rekaannya.

Atas sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai, pihaknya turut menganjurkan klinik asas Sukan Kasut Roda (Beginners Class), khusus bagi kanak-kanak yang baru memulakan aktiviti tersebut, di mana mereka akan mengajar cara-cara yang betul

menggunakan kasut roda berkenaan dan langkah-langkah keselamatan cara untuk berhenti juga ketika tergugur.

"Untuk satu sesi itu ialah BND15 bagi setiap kanak-kanak, dan mereka hendaklah mempunyai kasut roda mereka sendiri, termasuk peralatan-peralatan keselamatan (*safety gears*)," ujarnya.

Bagi orang ramai dan kanak-kanak yang berminat untuk ikut serta mempelajarinya, bolehlah menghubungi mereka menerusi laman Instagram *Inlineskatebrunei*, di mana mereka akan melaksanakannya di Taman Mahkota Jubli Emas pada Ahad, sebelah petang, kira-kira jam 5.00 petang.

Beliau seterusnya menjelaskan, mereka yang mahu berjinak-jinak bermain kasut roda, perkara paling utama yang mereka perlu ialah untuk memilih kasut roda bersesuaian dan hendaklah lengkap dengan *safety gears* masing-masing, pelajari atas bermain kasut roda.

Orang ramai juga boleh membeli secara terus kasut-kasut roda pilihan mereka daripada Awang Haji Md. Ashadi dengan mengunjungi laman Instagram *Inlineskatebrunei*, di mana mereka menawarkan pelbagai jenis kasut roda yang ditempat khas dari Singapura.

# Sukan

## 500 pelajar meriahkan Kids' Athletic SR YSHHB



**BERAKAS**, Isnin, 9 Mac. - Acara Kids' Athletic Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berlangsung dengan meriahnya di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah YSHHB, kelmarin.

Acara tersebut bertujuan bagi meningkatkan kecerdasan fizikal dan mental para pelajar juga mencungkil bakat mereka dalam bidang sukan.

Di samping itu, ia juga bagi

meningkatkan kerjasama para pelajar dalam kumpulan, juga meningkatkan keyakinan diri mereka.

Kira-kira 500 pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 sekolah tersebut mengambil bahagian dalam acara sukan tahunan berkenaan.

Para pelajar dibahagikan kepada empat buah rumah sukan, terdiri dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Antara acara yang dipertandingkan

### INFO SUKAN

PUSAT Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) akan mengadakan Perlawanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-20 bagi Tahun 2020 selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Mac 2020. Perlawanan yang akan mengambil tempat di Kelab Golf Pantai Mentiri itu bertemakan 'Perpetual Care'.



ePaper Pelita Brunei

TIMBALAN Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Mohammad Noh bin Dato Paduka Haji Matassan selaku tetamu kehormat beramah mesra bersama pelajar dan tenaga pengajar Sekolah Rendah YSHHB (atas), sementara gambar kiri, para pelajar ketika menyertai salah satu aktiviti yang diadakan.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

ialah larian zig zag, berlari membawa bola ping-pong dalam sudu, larian 50 meter berganti-ganti dan larian berhalangan mengharungi triangles dan membawa logs.

Perasmian acara tersebut disempurnakan oleh Timbalan Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah YSHHB, Awang Mohammad Noh bin Dato Paduka Haji Matassan selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, para pelajar mengadakan

Pertandingan Perbarisan Lalu dan persembahan bagi setiap rumah; disusuli dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Sekolah YSHHB.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Mariam binti Haji Ladi; Pengetua Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) YSHHB, Datin Hajah Zainab binti Haji Abd. Wahab serta Ahli-ahli PIBG.

## Sukan kasut roda kembali digemari

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Mac. - Ibu Negara, Bandar Seri Begawan (BSB) terus menjadi tumpuan orang ramai untuk meluangkan masa pada pagi hujung minggu bagi melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Tinjauan ke Bandarku Ceria (BKC), BSB pada hujung minggu lalu nampaknya ia terus dihidupkan dengan berbagai-bagai aktiviti yang dilakukan oleh orang ramai bersama keluarga dan rakan-rakan mereka.

Ini ialah inisiatif pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui beberapa kementerian dan agensi-agensi juga pihak yang berkenaan untuk mengadakan hari tanpa kereta pada setiap Ahad.

BKC bukan sahaja memberi mereka peluang untuk melakukan aktiviti riadah, tetapi mengeratkan hubungan kekeluargaan di antara golongan warga emas, belia, remaja dan kanak-kanak.

Salah satu aktiviti dan trend terkini yang semakin mendapat tempat dalam kalangan orang ramai ialah aktiviti Sukan Kasut Roda (Inline Skate / Rollerblade) yang mempunyai komuniti penggemarnya sendiri di negara ini.

Ke muka 23



AKTIVITI Sukan Kasut Roda (Inline Skate / Rollerblade) semakin mendapat tempat dalam kalangan orang ramai.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'TERUSKAN AMALAN BERDOA SEBAGAI BUDAYA BANGSA'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam